

TS
327

**PENYELIAAN PENGAJARAN BAGI MEMPERTINGKATKAN
PROFESIONALISME PERGURUAN DI MAKTAB
RENDAH SAINS MARA ZON SELATAN**

MOHD NASIR BIN KASSIM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PENYELIAAN PENGAJARAN BAGI MEMPERTINGKATKAN
PROFESIONALISME PERGURUAN DI MAKTAB
RENDAH SAINS MARA ZON
SELATAN

MOHD NASIR BIN KASSIM

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2008

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin, kemurahanNya serta hidayahNya dapat saya menyiapkan kertas projek ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Mohd Izham bin Mohd Hamzah yang komited dalam membimbing serta memberi tunjuk ajar dengan sabar dari permulaan hinggalah ke peringkat kertas projek ini disiapkan.

Ucapan penghargaan juga kepada Encik Jamalulail bin Abdul Wahab, Saudara Mohd Idrus bin Kadir, Saudara Adnan bin Dali dan rakan-rakan siswazah yang telah memberi input kepada kajian saya. Begitu juga kepada para pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia yang banyak mencurahkan ilmu khususnya dalam bidang pentadbiran pendidikan. Insya Allah ilmu yang dicurahkan oleh para pensyarah itu akan dimanfaatkan dalam perkhidmatan dan kehidupan saya. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah MARA, Unit Naziran dan Kualiti Pendidikan MARA, pengetua-pengetua MRSM, timbalan-timbalan pengetua MRSM, ketua-ketua jabatan MRSM, rakan-rakan dan orang perseorangan yang terlibat secara langsung dalam kajian saya ini. Berkat bantuan dan sokongan serta kerjasama yang ikhlas daripada semua pihak ini maka dapatlah kertas projek ini disempurnakan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada dua insan yang tercinta, isteri tersayang, Sakina binti Shaik Ahmad Yusoff, dan anak saya yang amat dikasihi, Faarih Farhan, yang sentiasa memberi semangat dan dorongan serta bersabar di sepanjang pengajian saya ini. Tidak lupa juga kepada semua ahli keluarga saya yang telah memberi semangat, nasihat dan sokongan moral. Akhir sekali, kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung, budi dan jasa anda sekalian akan saya kenang. Saya juga berdoa semoga Allah membalas segala budi dan jasa yang diberikan oleh kalian semua.

ABSTRAK

Kajian ini adalah satu kajian tinjauan terhadap tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran dalam kalangan penyelia pengajaran di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Zon Selatan. Dalam kajian ini, tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran dilihat berdasarkan kepada lima Peringkat penyeliaan klinikal. Kerangka konseptual kajian berasaskan model Penyeliaan Klinikal oleh Goldhammer et al. (1980) yang merangkumi peringkat konferensi sebelum pemerhatian, pemerhatian, analisis dan strategi, konferensi selepas penyeliaan dan analisis selepas konferensi serta teori sistem sosial untuk sekolah. Model penyeliaan ini digunakan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran oleh penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di MRSM Zon Selatan. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman mengajar dan pengalaman menyelia di MRSM. Sampel kajian adalah seramai 59 orang penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di MRSM Zon Selatan. Persampelan adalah secara persampelan rawak berstrata. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik. Analisis data secara statistik deskriptif dan inferensi digunakan dalam kajian ini. Pengujian hipotesis adalah menggunakan ujian t. Kajian ini mendapati secara keseluruhannya tahap pelaksanaan proses penyeliaan dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, serta konferensi selepas penyeliaan. Manakala tahap sederhana adalah pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi. Hasil kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman mengajar dan pengalaman penyeliaan di MRSM.

4.5.3	Tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia	70
4.6	Dapatan Kajian Persoalan Keempat	71
4.6.1	Ho.1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam proses penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran berdasarkan pengalaman mengajar	71
4.6.2	Ho.2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam proses penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran berdasarkan pengalaman menyelia	72
4.7	Kesimpulan	73
BAB V	PERBINCANGAN RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	75
5.2	Ringkasan Kajian	75
5.3	Perbincangan	77
5.3.1	Apakah tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran oleh penyelia pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal; konferensi, sebelum pemerhatian, pemerhatian, analisis dan strategi, konferensi penyeliaan dan analisis selepas konferensi?	77
5.3.2	Apakah tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman mengajar di MRSM?	80
5.3.3	Apakah tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia?	81

TEACHING SUPERVISION TO ENHANCE TEACHER'S PROFESSIONALISM AT MARA JUNIOR SCIENCE COLLEGE SOUTHERN ZONE

ABSTRACT

This research is a survey on the extent of the implementation of teaching supervision among the teaching supervisors at the MARA Junior Science College (MJSC) Southern Zone. In this research, the extent of the implementation of teaching supervision is seen from the five stages of clinical supervision. The conceptual framework of this research is based on the Clinical Supervision Model of Goldhammer et al. (1980) which consists of the preobservation conference, observation, analysis and strategy, supervision conference, and postconference analysis and includes the social system theory for schools. This supervision model is used to identify the extent of the implementation of teaching supervision by teaching supervisors comprising of principals, deputy principals and heads of department. This research also identifies the extent of the implementation of teaching supervision based on the five stages of clinical supervision among principals, deputy principals and heads of department from their teaching experience and their supervision experience at MJSC. The research sample consists of 59 teaching supervisors from principals, deputy principals and heads of department at MJSC Southern Zone. The stratified random sampling has been chosen for this research. Data was gathered using questionnaires. In this research, data has been analysed using descriptive and inferential statistics. The hypothesis has been tested through t test. This research found that overall the extent of the implementation of the supervision process among teaching supervisors at MJSC Southern Zone which is based on the five stages of clinical supervision is high at the observation stage, analysis and strategy stage and the stage of supervision conference. Whilst, at the preobservation conference stage and postconference analysis the extent is average. The findings also show that there is no significant difference in the teaching supervision process based on teaching experience and supervision experience at MJSC.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	6
1.4	Tujuan Kajian	14
	1.4.1 Objektif Kajian	15
	1.4.2 Persoalan Kajian	15
	1.4.3 Hipotesis Kajian	16
1.5	Kepentingan Kajian	16
1.6	Batasan Kajian	17
1.7	Definisi Operasional	18
	1.7.1 Pengetua	18
	1.7.2 Penyelia	18
	1.7.3 Penyeliaan	19
	1.7.4 Penyeliaan Pengajaran	19
	1.7.5 Penyeliaan Klinikal	20
	1.7.6 Kepimpinan Pengajaran	21
	1.7.7 Profesionalisme Perguruan	21

BAB II	KAJIAN KEPUSTAKAAN	
2.1	Pengenalan	25
2.2	Kepemimpinan Pengetua	25
2.3	Kepemimpinan Pengajaran	27
2.4	Penyeliaan Pengajaran	31
2.5	Penyeliaan Pengajaran dan Permasalahannya	37
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	40
3.2	Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Populasi Kajian	41
3.4	Sampel Kajian	42
3.5	Instrumen Kajian	43
3.6	Kajian Rintis	44
3.7	Tatacara Pengumpulan Data	49
3.8	Tatacara Penganalisan Data	49
	3.8.1 Analisis Deskriptif	50
	3.8.2 Analisis Inferensi	50
3.9	Kesimpulan	51
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	52
4.2	Profil Responden	52
4.3	Dapatan Kajian Persoalan Pertama	54
	4.3.1 Tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran MRSM Zon Selatan	54
	4.3.2 Tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran pada peringkat pemerhatian berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran MRSM Zon Selatan	56

4.3.3	Tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran pada peringkat analisis dan strategi berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran MRSM Zon Selatan	58
4.3.4	Tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran pada peringkat konferensi selepas penyeliaan berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran MRSM Zon Selatan	60
4.3.5	Tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran pada peringkat analisis selepas konferensi berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran MRSM Zon Selatan	62
4.4	Dapatan Kajian Persoalan Kedua	63
4.4.1	Tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman mengajar di MRSM	63
4.4.2	Tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan timbalan pengetua MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman mengajar di MRSM	65
4.4.3	Tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman mengajar di MRSM	66
4.5	Dapatan Kajian Persoalan Ketiga	67
4.5.1	Tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia	67
4.5.2	Tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan timbalan pengetua MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia	69

5.3.4	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran mengikut pengalaman mengajar di MRSM dan pengalaman menyelia?	82
5.4	Kesimpulan	83
5.5	Cadangan	84
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	86
5.7	Penutup	87
RUJUKAN		88
LAMPIRAN		
A	Borang Soal Selidik	93
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Maktab Rendah Sains MARA	99

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
3.1	Pemilihan sampel mengikut MRSM di Zon Selatan	42
3.2	Kandungan soal selidik	44
3.3	Hasil kajian rintis soal selidik	46
3.4	Interpretasi skor min bagi tahap proses pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal	50
4.1	Profil responden kajian	53
4.2	Skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan	54
4.3	Skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat pemerhatian dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan	56
4.4	Skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat analisis dan strategi dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan	58
4.5	Skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat konferensi selepas penyeliaan dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan	60
4.6	Skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat analisis selepas konferensi berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan	62
4.7	Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan klinikal dalam kalangan pengetua mengikut pengalaman mengajar	64
4.8	Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan timbalan pengetua mengikut pengalaman mengajar	65

4.9	Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan ketua jabatan mengikut pengalaman mengajar	66
4.10	Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua di MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia	68
4.11	Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan timbalan pengetua MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia	69
4.12	Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia	70

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Konseptual Kajian Berlandaskan Teori Sistem Sosial Untuk Sekolah (Dalam Hoy & Miskel 1996) dan Model Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Goldhammer et al. (1980)	8
2.1	Model Kepemimpinan Pengajaran	27
2.2	Teori Kepemimpinan Pengajaran Hallinger & Murphy	28
2.3	Model Kepemimpinan Pengajaran Synder	29
2.4	Model Pengetua Dalam Pengurusan Pengajaran Dwyer	30
2.5	Penyeliaan untuk Sekolah Berkesan	32
2.6	Konsep Penyeliaan	33
2.7	Model-model Penyeliaan	34
2.8	Model Tingkap Johari	36

SENARAI SINGKATAN

BPLM	Bahagian Pendidikan Latihan dan Menengah MARA
ILHAM	Institut Latihan Kakitangan MARA
KPPK	Kesatuan Perkhidmatan Pengurusan Kebangsaan
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MJSC	MARA Junior Science College
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
OECD	Organization for Economic Co-operation and Development
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNQ	Unit Naziran dan Kualiti Pendidikan MARA

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Realitinya, sekolah yang mempunyai kepemimpinan yang berkesan, tenaga pengajar yang berkualiti dan komited, kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi akan lebih menonjol kecemerlangan akademiknya berbanding sekolah-sekolah lain. Aspek pengajaran merupakan nadi, sementara guru pula merupakan penggerak nadi yang menjadi tunjang bagi setiap sekolah. Guru dianggap sebagai sumber yang paling signifikan dalam sekolah dan merupakan tunjang kepada usaha-usaha penambahbaikan sekolah. Keberkesanan penambahbaikan dan ekuiti persekolahan bergantung pada beberapa faktor utama, khususnya, memastikan individu yang kompeten dilantik sebagai guru, pengajarannya berkualiti tinggi dan semua pelajar mempunyai akses kepada pengajaran yang berkualiti.

Menurut Linda Darling-Hammond (2006) dalam satu temu bual oleh The George Lucas Educational Foundation yang bertanya mengenai aspek yang paling penting dalam program pendidikan guru, beliau menyatakan bahawa aspek utama yang penting adalah memastikan program pendidikan guru merupakan program yang koheren dalam erti kata program tersebut mempunyai satu pandangan tentang apakah yang dimaksudkan dengan pengajaran yang baik. Namun dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, satu proses pemantauan perlu dilakukan oleh pihak yang telah diberi tanggungjawab mengurus dan mentadbir sesebuah Maktab Rendah Sains MARA iaitu

kepemimpinan maktab yang terdiri daripada pengetua, timbalan-timbalan pengetua dan ketua jabatan. Tidak dapat dinafikan kebelakangan ini sistem pendidikan Malaysia telah mengalami pelbagai proses perubahan. Reformasi pendidikan ini berlaku atas desakan perubahan sosioekonomi, politik, budaya serta pengaruh asing. Usaha pemodenan dan pembangunan sektor pendidikan khususnya peringkat sekolah membawa pelbagai cabaran khususnya kepada kepemimpinan sekolah. Ini jelas seiring dengan pandangan Musa & Amidin (2006) yang menyatakan bahawa tamparan perubahan yang didatangkan oleh era globalisasi menambahkan lagi beban pendidikan dan tugas ini terpicul ke bahu kepemimpinan sekolah khususnya pengetua sesebuah institusi pendidikan, bersama guru-guru, murid-murid dan masyarakat di sekitarnya. Proses reformasi dan perubahan yang melanda dunia pendidikan memerlukan satu anjakan dalam pendekatan pengajaran di sekolah bagi menjadikannya lebih relevan. Justeru penyeliaan pengajaran oleh penyelia pengajaran dalam konteks pendidikan global masa kini memainkan peranan yang lebih dalam mengawal selia pengajaran.

Penyeliaan pengajaran merupakan salah satu ciri kepemimpinan pengajaran. Kepemimpinan pengajaran, berdasarkan Ishak (2003), adalah merupakan bentuk kepemimpinan yang menekankan keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Hallinger dan Murphy (1985), kepemimpinan pengajaran mengandungi tiga dimensi utama iaitu, (i) mentakrifkan matlamat sekolah; (ii) pengurusan program pengajaran; dan (iii) pemupukan iklim sekolah. Dalam konteks kepemimpinan pengajaran, berdasarkan Shahril (2000) ciri-ciri penyelia pengajaran khususnya pengetua yang berkesan ialah, (i) memberi penekanan terhadap pencapaian pelajar dalam bidang akademik; (ii) menyusun dan menetapkan strategi pengajaran; (iii) menyediakan dan mengekalkan suasana yang kondusif di sekolah (iklim sekolah); (iv) kerap menilai pencapaian akademik pelajar; (v) menyelaras program pengajaran; dan (vi) membantu dan memberi semangat kepada para guru. Kesimpulannya, penyelia pengajaran memainkan peranan penting dalam membentuk guru-guru yang serba boleh (*versatile*), dinamik dan inovatif sama ada dalam aspek kandungan pengajaran, pedagogi, kawalan kelas termasuk disiplin, pembinaan dan penggunaan bahan pengajaran serta

penilaian pelajar. Penyeliaan pengajaran yang dilakukan secara berterusan oleh penyelia pengajaran merupakan salah satu komponen penting bagi menjamin kecemerlangan sesebuah sekolah.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Penyeliaan pengajaran dilihat sebagai salah satu instrumen kawalan pengajaran yang memerlukan prosedur dan garis panduan yang berstruktur dan sistematis. Keperluan ini wujud bagi memastikan matlamat akhir proses penyeliaan pengajaran tercapai iaitu pembangunan diri guru serta kemahirannya dan pembangunan diri pelajar dalam pembelajarannya, seterusnya memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum sekolah. Berdasarkan Manukaran (2003), cabaran utama sistem pendidikan ialah cabaran ekonomi dan ledakan maklumat yang menyebabkan perlunya pelbagai perubahan dalam menyediakan *output* yang diperlukan oleh pasaran buruh. Dalam konteks pendidikan sekolah, kepemimpinan pengajaran dilihat sebagai antara aspek yang teruji dalam dunia pendidikan global masa kini. Masyarakat menilai sesebuah sekolah berdasarkan *output* atau hasil yang dapat dilihat. Kepemimpinan penyelia pengajaran khususnya pengetua melalui penyeliaan pengajaran mempunyai kesan yang signifikan ke atas pencapaian pelajar yang merupakan salah satu *output* sistem pendidikan. Justeru penyeliaan pengajaran oleh penyelia pengajaran harus dilaksanakan secara berterusan. Menurut kajian Rozilah (2006), penyelia dan guru bersetuju penyeliaan adalah penting untuk mempertingkatkan profesionalisme guru.

Tanggapan dan reaksi di kalangan guru dan pengetua mengenai arahan penyeliaan pengajaran seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas, Bil.3/1987 telah disuarakan melalui Kesatuan Perkhidmatan Pengurusan Kebangsaan (KPPK) yang dirumuskan seperti berikut (Siti Noorma 1999):

- Guru kesal kerana mereka menjadi sasaran kepada arahan tersebut, sementara pengetua pula merasakan adalah tidak profesional untuk melakukan pencerapan atau penyeliaan tersebut.

- Pengetua dan guru berpendapat bahawa pencerapan hanya perlu dilakukan untuk tujuan tertentu seperti kenaikan pangkat atau jika terdapat aduan mengenai pengajaran guru berkenaan.
- Pemerhatian dan penilaian yang dilakukan terhadap tugas guru dalam kelas dan di hadapan murid akan menjejaskan imej guru berkenaan.
- Kemampuan pengetua dalam menjalankan pencerapan juga dipersoalkan. Kebanyakan pengetua tidak mempunyai kemahiran untuk menjalankan pencerapan kerana mereka tidak dilatih untuk tujuan tersebut.
- Guru merasa bimbang kerana ada pengetua menggunakan peluang ini untuk tujuan menganiaya seseorang guru.

Penyeliaan pengajaran dilihat sebagai salah satu ciri kepemimpinan profesional. Dalam konteks penyeliaan pengajaran di sekolah, penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh pengetua atau wakilnya sering menimbulkan isu yang tidak disenangi oleh guru yang diselia. Antaranya, ia akan menjejaskan suasana pengajaran dan pembelajaran dalam kelas pada ketika itu. Apabila pengetua menyelia atau mencerap pengajaran guru dalam kelas, kesenian pengajaran guru akan berubah dan terganggu kerana pada tanggapan guru, penyeliaan adalah suatu aktiviti untuk menilai seseorang guru. Ianya akan mengganggu konsentrasi guru dan murid dalam kelas. Hubungan mesra guru dan murid turut terjejas dan berkemungkinan guru akan hilang minat untuk meneruskan pengajaran.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Miskel (1991), kebanyakan pengetua hanya memperuntukkan 2% - 4% sahaja purata masa mereka untuk kepemimpinan pengajaran. Daripada kajian Hussein (1997), kira-kira 50% daripada guru-guru melaporkan pengetua melihat mereka mengajar sekali sahaja. 60.7% daripada sampel ini menyatakan yang pengetua mereka tidak pernah atau amat jarang sekali memberikan ulasan atau cadangan pengajaran kepada mereka. Seterusnya Hussein (1997) menyimpulkan bahawa pengetua-pengetua sekolah kurang berkesan atau mempunyai sikap yang kurang positif terhadap usaha memajukan diri mereka sendiri dari segi ilmu profesional. Sebahagian besar pengetua kini kurang melibatkan diri dalam hal-hal pengajaran dan mengabaikan tugas-tugas kepemimpinan pengajaran. Mereka lebih

memfokus pada aspek-aspek pengurusan dan pentadbiran sekolah. Zainuddin Muhammad (1998) pula menjelaskan bahawa penyeliaan pengajaran oleh pengetua juga dipersoalkan oleh guru berdasarkan aspek kredibiliti dan kewibawaan guru itu sendiri. Guru-guru yang telah dilatih di Institusi Perguruan (yang memiliki Diploma Pendidikan) merasakan mereka tidak perlu diselia memandangkan mereka merupakan guru terlatih kecuali bagi tujuan tertentu seperti kenaikan pangkat. Mengalih pandangan kepada penyeliaan yang dilakukan oleh penyelia luar pula, menurut Nik Anuay (2000) yang telah menjalankan kajian mengenai tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran oleh Jemaah Nazir di Sekolah Menengah Victoria Kuala Lumpur, mendapati bahawa aktiviti penyeliaan pengajaran ini tidak dilakukan oleh pihak pentadbir sekolah iaitu pengetua atau wakilnya ke atas beberapa responden. Berdasarkan Mohd Amin (2002), semakin tinggi nilai peranan unggul dan semakin kerap sesuatu peranan sebenar dilakukan oleh pengetua maka semakin baik persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran pengetua. Bagi Hanidah (2007) pula, kajian beliau telah memberikan satu gambaran yang jelas bahawa proses penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan dengan berkesan dapat membangkitkan motivasi kerja guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Hasil kajian Foo Say Fooi dan Tang Keow Ngang (2000), menunjukkan bahawa 254 orang guru (91%) mempersepsikan pencerapan pengajaran dalam bilik darjah secara positif. Hanya 25 orang (9%) guru mempersepsikannya secara negatif pada keseluruhan. Antara contoh kenyataan yang dikemukakan oleh responden secara positif termasuklah:

- i. Pencerapan pengajaran dapat memperkukuh hubungan profesional dan interaksi yang positif di antara pengetua/guru besar anda.
- ii. Guru-guru harus diberitahu terlebih dahulu oleh pencerap sebelum mereka dicerap.
- iii. Guru perlu dimaklum tentang sebarang kelemahan/kekuatan selepas pencerapan pengajaran dilakukan.
- iv. Pencerap pengajaran di sekolah saya mempunyai kemahiran tinggi dalam aspek pencerapan.
- v. Pencerap pengajaran saya membuat penilaian yang adil mengenai pengajaran yang saya lakukan.

Foo Say Fooi dan Tang Keow Ngang (2000) seterusnya merumuskan bahawa hasil daripada kajiannya, kepemimpinan pengajaran dalam aspek pencerapan penyeliaan oleh pengetua perlu dipertingkatkan kerana persepsi guru menunjukkan kekerapan pelaksanaan fungsi ini hanya berada pada tahap yang sederhana. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa guru akan mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap pencerapan pengajaran sekiranya pengetua lebih kerap menjalankan pencerapan tersebut. Dalam konteks di Malaysia, kajian Foo Say Fooi dan Tang Keow Ngang (2000) mendapati pendekatan kolaboratif sesuai dan perbincangan antara penyelia dan guru hendaklah bersifat membimbing dan bukan bertujuan untuk mencari kesalahan. Hasil kajian ini juga menunjukkan kekerapan pelaksanaan fungsi-fungsi kepemimpinan pengajaran dan pencerapan pengajaran menerangkan sebahagian besar varian dalam kepuasan guru.


Dalam konteks pendidikan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), tugas penyeliaan pengajaran dikendalikan oleh tiga entiti, iaitu Unit Naziran dan Kualiti Pendidikan MARA (UNQ) dan Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah (BPLM) sebagai penyelia luar dan penyelia pengajaran MRSM yang terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan sebagai penyelia dalaman. Justeru, persoalan yang timbul adalah apakah prosedur yang diguna pakai oleh penyelia pengajaran di MRSM dalam melaksanakan penyeliaan pengajaran dan adakah isu dan permasalahan berhubung kait penyeliaan pengajaran seperti yang dipaparkan di atas juga merupakan isu dan permasalahan dalam mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran di MRSM?

1.3 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual sesuatu kajian memperlihatkan perimeter kajian tersebut. Kerangka konseptual kajian ini adalah berpaksikan model dan teori yang telah diperakui dalam konteks penyeliaan pengajaran. Model adalah gambaran tentang sesuatu aktiviti yang dapat menunjukkan perkaitan dalam pelbagai-pelbagai elemen yang terdapat dalam aktiviti-aktiviti tersebut (Jamil 2002). Kerangka konseptual kajian ini berasaskan kepada

Teori Sistem Sosial untuk sekolah dalam Hoy & Miskel (1996) dan Model Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh Goldhammer, Anderson dan Krajewski (1980).

Kajian ini terdiri daripada dua jenis pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah faktor demografi penyelia pengajaran iaitu jantina, umur, pengalaman mengajar dan pengalaman menyelia mereka di Maktab-maktab Rendah Sains MARA Zon Selatan. Penyelia pengajaran adalah terdiri daripada pengetua, timbalan-timbalan pengetua dan ketua jabatan di MRSM Zon Selatan. Manakala pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini ialah Model Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam Goldhammer et al. (1980). Model ini dipilih memandangkan ia berupaya memenuhi Kerangka Kerja Pengajaran MRSM yang dihasilkan oleh Bahagian Pendidikan & Latihan Menengah MARA (BPLM). Berdasarkan teori ini, penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan-timbalan pengetua dan ketua jabatan bertindak sebagai input yang perlu menjalankan peranan masing-masing. Penyelia pengajaran ini diperlukan untuk menjayakan proses penyeliaan pengajaran mengikut Model Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Goldhammer. Teori Sistem Sosial untuk sekolah yang dirujuk dalam Hoy & Miskel (1996) merupakan satu model bagi sebuah sekolah. Ia mempunyai satu keseluruhan atau kesatuan yang lebih luas daripada bahagian-bahagian atau komponen-komponen dalam sistem itu. Masing-masing bahagian mempunyai kawasan dan batasan yang jelas yang dikatakan sebagai sub unit, elemen dan sub sistem, dan adalah berkaitan dalam satu susunan yang seimbang (Robiah 2002). Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini.



Rajah 1.1

Kerangka konseptual kajian berlandaskan Teori Sistem Sosial untuk Sekolah (dalam Hoy & Miskel 1996) dan Model Lima Peringkat Penyelidikan Klinikal Goldhammer et al. (1980)

Model Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Goldhammer et al.(1980) mengandungi lima peringkat yang secara kolektifnya dirujuk sebagai 'Peringkat penyeliaan.' Koleksi peringkat sebegini dirujuk juga sebagai 'kitaran penyeliaan'. Berdasarkan model ini, penyeliaan pengajaran terdiri daripada lima peringkat berikut:

Peringkat 1: Konferensi Sebelum Pemerhatian

Peringkat 2 : Pemerhatian

Peringkat 3 : Analisis & Strategi

Peringkat 4 : Konferensi Penyeliaan

Peringkat 5 : Analisis Selepas Konferensi

Dua aspek Model Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal yang perlu diuraikan ialah (i) rasional dan tujuan bagi setiap peringkat; dan (ii) kaedah yang dipraktikkan di setiap peringkat.

Peringkat 1: Konferensi Sebelum Pemerhatian

Peringkat ini bertujuan menyediakan kerangka kerja mental dan prosedur bagi membolehkan proses pemerhatian dilakukan. Dalam mengadakan konferensi sebelum pemerhatian, matlamat peringkat ini adalah untuk:

- i. Mewujudkan dan membangunkan hubungan guru-penyelia - mengadakan satu situasi pemerhatian yang lebih kondusif dan mesra kepada kedua-dua pihak iaitu guru dan penyelia. Jika penyeliaan telah pernah dilakukan sebelum ini oleh penyelia terhadap guru yang sama, peringkat ini akan menghidupkan kembali hubungan dan kepercayaan ke peringkat yang lebih tinggi sebagai asas kepada penyeliaan produktif.
- ii. Kefasihan dalam rancangan mengajar guru bagi mata pelajaran yang akan diselia - Kefasihan guru mengenai rancangan mengajarnya akan menampakkan keyakinan dalam pengajaran dan cara pelaksanaan rancangan pengajarannya. Penyelia pula harus mengetahui rancangan mengajar guru bagi membolehkannya memahami alasan, premis dan motif guru tersebut. Memahami kerangka rujukan guru adalah penting untuk dua alasan: bagi membantu guru berfungsi dengan berkesan

berdasarkan termannya sendiri atau untuk meminda perancangan mengikut konsep yang terdapat dalam kerangka rujukan penyelia.

- iii. Raptai - diperlukan dalam konferensi sebelum pemerhatian untuk memastikan kelancaran pengajaran dan pembelajaran sewaktu pemerhatian. Sebarang kemungkinan timbulnya masalah bersangkut paut dengan pengendalian bilik darjah, seperti perlakuan pelajar dalam memberikan respon kepada pengajaran guru adalah dijangkakan.
- iv. Ulangkaji – peringkat ini mewujudkan peluang bagi ulangkaji saat akhir bagi rancangan mengajar.
- v. Kontrak – adalah penting untuk menentukan wujudnya persetujuan antara guru dan penyelia dalam beberapa perkara asas dalam pemerhatian seperti mendefinisikan peranan guru dan penyelia dalam pemerhatian, memahami matlamat pemerhatian dan peraturan yang akan diguna pakai semasa pemerhatian. Konferensi sebelum pemerhatian merupakan waktu bagi guru dan penyelia mencapai satu persetujuan yang jelas tentang alasan penyeliaan dan bagaimana penyeliaan akan dikendalikan.

Peringkat 2: Pemerhatian

Penyelia memerhati pengajaran supaya beliau dapat menganalisis maklumat yang terkumpul selepas pemerhatian tersebut bersama-sama guru yang diselia. Bagi tujuan ini, penyelia perlu merekodkan data-data tertentu secara sistematis dan berstruktur. Sama ada analisis adalah berdasarkan masalah yang telah dikenal pasti semasa konferensi sebelum pemerhatian atau yang akan timbul berdasarkan data terkumpul, adalah penting data yang direkodkan merupakan catatan yang benar, tepat dan lengkap tentang apa yang sebenarnya berlaku semasa pemerhatian.

Peringkat 3: Analisis dan Strategi

Peringkat ini diadakan bertujuan untuk mencapai dua tujuan: pertama, analisis, untuk memahami data pemerhatian, untuk menjadikan data bermakna dan boleh diuruskan; dan kedua, untuk strategi, merancang bagaimana mengurus konferensi penyeliaan yang akan mengambil tempat – yakni, untuk memastikan isu apakah yang akan diberikan layanan,

data apakah yang akan dirujuk, apakah matlamat yang akan dicapai, bagaimana memula dan mengakhirikannya dan siapa yang harus membuat apa. Rasional bagi analisis boleh diformulasikan sama ada secara historis atau metodologikal. Secara historis, penyeliaan bersandarkan pada penilaian; penyelia memerhatikan pengajaran kemudiannya melalui maklum balas membuat penilaian terhadap guru tersebut. Dari segi metodologikalnya pula, analisis wujud bagi tujuan pemahaman apa yang sebenarnya telah berlaku bagi membolehkan kawalan yang lebih ke atas perlakuan masa hadapan. Dalam lain perkataan, analisis pengajaran hari ini secara primernya adalah untuk kuasa yang lebih, untuk tujuan kemungkinan kejayaan dalam pengajaran akan datang.

Langkah seterusnya setelah melakukan analisis ke atas data yang telah direkodkan dalam pemerhatian, penyelia perlu membuat keputusan tentang bagaimana konferensi penyeliaan akan dikendalikan. Rasional utama bagi strategi adalah pendekatan terancang ke arah pencapaian matlamat melalui proses yang disengajakan berkemungkinan lebih sesuai daripada sesuatu yang dipilih secara rawak. Adalah penting di peringkat ini untuk menampakkan komitmen penyelia terhadap laporan yang disediakan kerana keyakinan guru terhadap penyeliaan akan lebih terserlah jika penyelia memasukkan usaha yang lebih, dalam menyediakan laporan yang komprehensif.

Peringkat 4: Konferensi Penyeliaan

Konferensi penyeliaan diadakan bertujuan:

- i. Memberikan tempoh masa bagi merancang pengajaran masa akan datang dengan kerjasama pendidik profesional lain. Sama ada sesuatu konferensi telah berjaya dalam kerangka kerja guru, sama ada guru tersebut dibekalkan dengan sesuatu yang konkrit yang merupakan satu reka bentuk bagi pengajaran akan datang.
- ii. Memberikan tempoh masa untuk mendefinisi semula persetujuan penyeliaan yang dicapai pada awalnya, dalam menentukan langkah-langkah penyeliaan yang akan diambil melalui kaedah apa akan digunakan.
- iii. Menyediakan satu laluan bagi guru untuk mendapat penghargaan daripada apa yang telah dilakukan.

- iv. Menyemak semula penyeliaan yang dijalankan – untuk menangani masalah yang telah dikenal pasti oleh guru dan penyelia sebelum ini dan menilai progres untuk memahirkan kompetensi teknikal yang sedang di usahakan oleh guru untuk memperolehnya.

Peringkat 5: Analisis Selepas Konferensi

Peringkat ini bertujuan bagi membolehkan ahli lain menilai perlakuan penyeliaan ahli yang telah diselia selepas selesai konferensi penyeliaan. Peringkat ini harus diadakan secara berkumpulan. Di peringkat ini kekuatan dan kelemahan perlakuan semasa penyeliaan dibentangkan untuk diambil tindakan cadangan bagi memperbaiki kelemahan tersebut. Tujuan utama analisis selepas konferensi adalah supaya penyeliaan yang telah dijalankan dapat dipelajari oleh orang lain.

Peringkat penyeliaan klinikal yang diperkenalkan oleh Goldhammer et al. (1980) juga menyamai kitaran penyeliaan yang diperkenalkan oleh Cogan (1973). Cogan memperkenalkan lapan fasa seperti berikut:

Fasa 1 – Mewujudkan Hubungan Guru-Penyelia

Fasa ini merupakan peringkat di mana penyelia:

- a. mewujudkan hubungan klinikal antara beliau dengan guru;
- b. membantu guru untuk mencapai persetujuan tertentu mengenai penyeliaan klinikal dan perspektif mengenai peringkat ini; dan
- c. mula membawa guru tersebut ke dalam peranan dan fungsi beliau sebagai penyelia.

Fasa 2 – Merancang Bersama Guru

Guru dan penyelia bersama-sama merancang pelajaran. Perancangan melibatkan objektif yang kompleks. Walau apapun skop pelajaran, reka bentuk keseluruhan dan setiap waktu pelajaran adalah dirancang berdasarkan objektif kepada pelajar dan guru. Perancangan selalunya melibatkan mengenal pasti hasil pembelajaran dan masalah pengajaran yang

dijangkakan, bahan dan strategi pengajaran, proses pembelajaran dan peruntukan untuk maklum balas dan penilaian.

Fasa 3 – Merancang Strategi Pemerhatian

Penyelia akan merancang objektif, proses dan hal-hal teknikal dan fizikal yang bersangkutan dengan pemerhatian. Fungsi penyelia dalam pemerhatian dikenal pasti dengan jelas, dan juga jika melibatkan pemerhati-pemerhati lain yang mungkin terlibat. Guru akan turut serta dalam perancangan pemerhatian bagi membolehkannya lebih memahami penyeliaan klinikal.

Fasa 4 – Memerhati Pengajaran

Penyelia memerhati pengajaran secara sendiri dan menggunakan teknik-teknik tertentu dalam merekodkan perlakuan dalam bilik darjah.

Fasa 5 – Menganalisis Proses Pengajaran-Pembelajaran

Selepas pemerhatian, guru dan penyelia akan menganalisis perlakuan yang telah mengambil tempat dalam bilik darjah. Pada mulanya, kedua-dua guru dan penyelia akan melakukan ini secara berasingan. Kemudian mereka akan melakukannya secara bersama atau bersama peserta lain. Keputusan mengenai prosedur ini akan dibuat secara berhati-hati mengambil kira potensi perkembangan kekompetenan guru tersebut dalam penyeliaan klinikal dan keperluan guru itu.

Fasa 6 – Merancangan Strategi Bagi Konferensi

Pada mulanya penyelia seorang sahaja yang akan membangunkan perancangan, alternatif dan strategi bagi menenadakan konferensi bersama guru. Kemudian, jika lebih sesuai, perancangan untuk konferensi itu boleh dilakukan oleh guru dan penyelia bersama-sama. Jika ini berlaku, perancangan untuk konferensi itu boleh dimasukkan sekali ke dalam konferensi.

Fasa 7 – Konferensi

Peserta konferensi selalunya terdiri daripada penyelia dan guru. Jika perlu dan hal keadaan adalah bersesuaian, peserta lain boleh kemudiannya ikut serta. Konferensi juga boleh dikendalikan oleh guru dan peserta lain, kadang kalanya tanpa penyelia.

Fasa 8 – Perancangan Diperbaharui

Di peringkat yang sesuai dalam konferensi, guru dan penyelia akan memutuskan tentang perubahan yang diperlukan dalam perlakuan guru dalam bilik darjah. Pada peringkat ini, sifat kitaran penyeliaan proses menonjolkan dirinya; guru dan penyelia memberhentikan analisis dan perbincangan mengenai pengajaran sebelum ini bagi memberi ruang kepada perancangan pengajaran akan datang dan perubahan yang bakal dilakukan oleh guru dalam pengajaran berikutnya.

Dalam kajian ini, pelaksanaan penyeliaan pengajaran di MRSM Zon Selatan oleh penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan Pengetua dan ketua jabatan akan dilihat berdasarkan Model Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Goldhammer et al. (1980) memandangkan model ini memperlihatkan peringkat atau fasa-fasa penyeliaan yang komprehensif bagi penyelia dan guru.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di Maktab Rendah Sains MARA Zon Selatan berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal. Penyeliaan pengajaran yang berkesan di setiap peringkat penyeliaan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal berupaya memantapkan lagi proses penyeliaan pengajaran MRSM secara amnya dan MRSM Zon Selatan khususnya, seterusnya meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

1.4.1 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, objektif-objektif kajian ini ialah untuk:

- i. Menenal pasti tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran oleh penyelia pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal; konferensi sebelum pemerhatian, pemerhatian, analisis dan strategi, konferensi penyeliaan dan analisis selepas konferensi.
- ii. Menenal pasti tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman mengajar di MRSM.
- iii. Menenal pasti tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia.
- iv. Menenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran mengikut pengalaman mengajar dan pengalaman menyelia.

1.4.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, beberapa persoalan kajian yang boleh diformulasi bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran oleh penyelia pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal; konferensi sebelum pemerhatian, pemerhatian, analisis dan strategi, konferensi penyeliaan dan analisis selepas konferensi?
- ii. Apakah tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman mengajar di MRSM?

- iii. Apakah tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran mengikut pengalaman mengajar di MRSM dan pengalaman menyelia?

1.4.3 Hipotesis Kajian

Bagi memperjelaskan persoalan kajian ke iv penyelidik membentuk hipotesis berikut:

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran mengikut pengalaman mengajar.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran mengikut pengalaman menyelia.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dapat dilihat berdasarkan impak kajian ini ke atas tiga kelompok sasaran:

i. MARA

Bagi MARA sebagai sebuah entiti yang menitikberatkan langkah-langkah memajukan, menggalakkan dan memudahkan usaha ke arah pembangunan kemasyarakatan termasuk pendidikan serta mengangkat martabat dan maruah bangsa menerusi pelbagai aktiviti pendidikan dan kemasyarakatan, kajian ini dilihat sebagai berupaya memenuhi Misi dan Objektif penubuhan MARA serta menjadi *input* kepada Unit Naziran dan Kualiti Pendidikan MARA (UNQ) dan

Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah MARA (BPLM) dalam meningkatkan profesionalisme guru-guru MRSM.

ii. MRSM

Kajian ini penting bagi memastikan kecemerlangan pendidikan MRSM khusus melalui penyeliaan pengajaran guru-guru MRSM. Hasil kajian ini dapat memandu pihak pengurusan MRSM yang terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua, ketua jabatan dan guru-guru kanan dalam merancang aktiviti dan program yang relevan dengan lebih sistematis dan inovatif dalam mencemerlangkan lagi profesion keguruan MRSM. Hasil kajian ini juga dilihat sebagai penambahbaikan dalam mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan seluruh warga akademik MRSM.

iii. Profesion perguruan MARA

Hasil kajian ini akan dapat memantapkan lagi pengetahuan guru-guru MRSM tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam menjamin mutu pembelajaran dan pengajaran seterusnya mengekalkan dan memapankan kualiti pendidikan MRSM. Selain itu, kajian ini dilihat sebagai berupaya memartabatkan lagi profesion perguruan khususnya bagi guru-guru MRSM.

Kajian yang inovatif ini merupakan kajian untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan sistem penyeliaan pengajaran yang diamalkan oleh penyelia pengajaran MRSM seiring dengan kehendak dan keperluan golongan sasaran penyeliaan pengajaran iaitu kelompok guru MRSM.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini bersifat kajian tinjauan, iaitu meninjau aspek-aspek pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran yang digunakan oleh penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di MRSM Zon Selatan. Kajian ini terbatas

kepada penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan mengambil kira batasan masa dan kewangan penyelidik.

1.7 DEFINISI OPERASIONAL

1.7.1 Pengetua

'Pengetua' didefinisikan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) sebagai "ketua organisasi bagi melahirkan staf yang komited. Seorang pengurus yang dapat membimbing staf patuh pada peraturan kurikulum. Pengetua dilihat sebagai pengurus yang sangat penting, sangat berpengaruh, sangat bertanggungjawab, berjiwa kepemimpinan dan penghubung antara sekolah dan komuniti." Bagi Fatanah Mohamed (2006), menjadi pengetua bererti menjadi pemimpin dan juga pengurus, membimbing dan memudahkan orang lain untuk bergerak menuju ke arah destinasi yang telah dipersetujui bersama. Sebagai pemimpin, pengetua haruslah tahu arah tuju sekolahnya dan berusaha untuk mencapai visi yang telah dipersetujui bersama. Sebagai pengurus, seorang pengetua harus tahu bahawa pencapaian visi hanya dapat direalisasikan melalui orang lain. Pengetua dianggap berkesan sekiranya beliau dapat mengagihkan (*delegate*) tugasnya serta memudahkan staf di bawah kawalannya melaksanakan tugas dengan jaya. Bagi kajian ini penyelia pengajaran termasuklah pengetua atau wakilnya yang terdiri daripada timbalan pengetua dan ketua jabatan di MRSM Zon Selatan.

1.7.2 Penyelia

Berdasarkan Nik Anuay (2000), penyelia bagi institusi pendidikan di peringkat sekolah boleh dibahagikan kepada dua kategori, penyelia dalaman dan penyelia luar. Penyelia dalaman terdiri daripada pengetua, penolong kanan, guru ketua bidang dan guru pakar di sekolah berkenaan. Penyelia luar pula terdiri daripada Jemaah Nazir, pegawai khas mata pelajaran daripada ibu pejabat ataupun bahagian dan Pejabat Pelajaran Daerah dan penyelia daripada kalangan pensyarah institusi perguruan untuk menyelia guru pelatih.

Bagi Lovell (1983), penyelia merupakan seseorang yang secara rasminya dilantik oleh organisasi sebagai 'penyelia' untuk menambahbaik kurikulum dan pengajaran bagi meningkatkan lagi kualiti pembelajaran para pelajar. Bagi tujuan kajian ini, 'penyelia pengajaran' adalah terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di MRSM Zon Selatan.

1.7.3 Penyeliaan

Menurut Ramaiah (1995), penyeliaan dijalankan oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang terdiri daripada kepimpinan sekolah iaitu pengetua, penolong kanan, guru kanan mata pelajaran atau ketua bidang bertugas untuk memberi bimbingan kepada guru bagi memperbaiki kualiti dan keberkesanan proses pengajaran. Aktiviti ini meliputi pemerhatian dalam bilik darjah, perbincangan, laporan lisan dan bertulis. Usaha ini melibatkan rangsangan terhadap pertumbuhan prestasi dan kemajuan objektif, bahan dan kaedah program. Ia merupakan satu prosedur pemerhatian yang digunakan untuk memperoleh maklumat, menilai kerja guru dan pelajar, menganalisis aktiviti bilik darjah dan mengesan kesukaran yang dihadapi oleh guru dan pelajar. Membicarakan tentang fungsi penyeliaan, Tapaneeyangkul (1993:1) mengatakan bahawa, "*supervision is one of the function that is essential to the sound operation of a school major functions of supervision, are to provide consultation concerning school activities to communicate and to cooperate throughout the educational enterprise.*" Glickman (1985:8) pula melihat penyeliaan sebagai sesuatu yang, merujuk kepada peranan sekolah untuk mempertingkatkan pengajaran melalui bantu langsung kepada guru, pembangunan kurikulum, latihan dalam perkhidmatan, pembangunan kumpulan dan penyelidikan tindakan.

1.7.4 Penyeliaan Pengajaran

Penyeliaan pengajaran, berdasarkan Nik Anuay (2000), merupakan tugas dan peranan khusus berkaitan dengan pengajaran yang dilaksanakan oleh seorang penyelia yang antara

lain tugasnya termasuk memerhati, membimbing dan menunjuk ajar dalam aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran seperti strategi, pendekatan kaedah dan teknik pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar, kawalan bilik darjah, interaksi sosial dengan pihak sekolah, pengurusan masa, pengurusan aktiviti gerak kerja kokurikulum, menilai pencapaian dan pentadbiran kelas. Menurut Alfonso (1981) pula, penyeliaan pengajaran bukanlah satu aktiviti yang dilakukan secara rawak dan sewenang-wenang sahaja bahkan ia adalah satu aktiviti rasmi dan menunjukkan kewibawaan penyelia, ia mempengaruhi pengajaran guru dan mempunyai matlamat tertentu yang hendak dicapai iaitu ke arah memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Berdasarkan Robiah Sidin (1998), penyeliaan pengajaran atau pencerapan boleh diertikan sebagai proses membantu guru-guru meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Bagi Jemaah Nazir Persekutuan (1993), penyeliaan pengajaran dilihat sebagai satu proses membimbing yang bertujuan untuk mempertingkatkan tahap profesionalisme perguruan.

1.7.5 Penyeliaan Klinikal

Penyeliaan klinikal merupakan satu pendekatan bimbingan yang melibatkan usaha sama antara penyelia dan guru untuk menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran secara demokratik. Ini menjadikan guru-guru lebih mahir, cekap dan peka terhadap tugas mereka. Penyeliaan atau pencerapan klinikal boleh dikategorikan kepada dua pendekatan asas iaitu, pendekatan preskriptif dan pendekatan kolaboratif. Dalam pendekatan preskriptif, seorang penyelia adalah merupakan sumber kepakaran yang unggul dalam konteks dialog antara penyelia dengan guru. Seseorang penyelia mempunyai sikap autokratik dan menganggap dirinya sebagai sumber segala pengetahuan dan kemahiran. Semasa membuat pemerhatian, penyelia akan dilengkapi dengan satu *blueprint* yang mesti diikuti 100%. Manakala dalam pendekatan kolaboratif, tugas penyelia bukan semata-mata untuk membuat penyeliaan tetapi lebih berperanan sebagai pembimbing dan kaunselor. Penyelia tidak datang dengan satu *blueprint* untuk menentukan strategi pengajaran tetapi sebaliknya beliau menggunakan instrumen pemerhatian untuk mengumpulkan data dan maklumat yang akan dijadikan asas perbincangan dan sesi

konferensi dengan guru. Dalam konteks kajian ini, model penyeliaan klinikal Goldhammer et al.(1980) dijadikan sebagai pemboleh ubah sandaran. Model penyeliaan ini dikenali sebagai Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal.

1.7.6 Kepemimpinan Pengajaran

Berdasarkan Greenfield (1987), kepemimpinan pengajaran merupakan tindakan-tindakan yang diambil oleh pengetua dengan niat untuk mempertingkatkan keadaan pembelajaran di sekolahnya. Menurut Peterson (1987), terdapat enam ciri utama kepemimpinan pengajaran iaitu:

- a. membuat penyeliaan pengajaran guru dan memberikan maklumat berkaitan dengannya;
- b. membuat pengawalan ke atas kemajuan pembelajaran pelajar dengan membuat tinjauan dan kajian ke atas keputusan-keputusan ujian-ujian bersama guru;
- c. menyelaraskan program-program pengajaran dengan bantuan guru;
- d. memupuk perkembangan staf dengan menyediakan sumber dan peluang-peluang peningkatan profesionalisme guru;
- e. memberi tahu guru-guru tentang tanggung jawab mereka dalam mempertingkatkan pencapaian pelajar; dan
- f. mengadakan perbincangan dengan guru-guru berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran melalui perbincangan secara individu ataupun mesyuarat guru.

Dalam kajian ini kepemimpinan pengurusan MRSM merujuk kepada kepemimpinan pengajaran pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan.

1.7.7 Profesionalisme Perguruan

Mengikut Kamus Oxford Advanced Learner's (1996), profesionalisme ialah kualiti atau status seseorang profesional iaitu mereka yang terlibat dalam sesuatu profesion di mana pengalaman dan kemahiran dapat dipertingkatkan. Mengikut Jemaah Nazir Persekutuan (1993), guru pula ialah orang yang menyebarkan ilmu pengetahuan di sesebuah institusi

pendidikan di peringkat rendah, menengah dan tinggi termasuk guru terlatih yang bertugas dalam pentadbiran organisasi dan penyeliaan pendidikan. Berdasarkan Lipham dan Hoeh (1974), guru merupakan pelaksana kurikulum yang mempunyai kedudukan terpenting dalam sistem pendidikan formal kerana mereka menjadi teras yang menentukan piawai, mutu dan keberkesanan sistem pendidikan. Guru adalah salah satu komponen teras yang menentukan kejayaan pelaksanaan kurikulum. Guru dalam kajian ini merujuk pada individu yang dilantik ke jawatan tetap oleh MARA, terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan. Merujuk pada profesionalisme perguruan, Paul Monroe (1968) menyatakan;

There is wide spread belief that one of the fundamental conditions of professional service is found in the varying nature of educational problems. The chief work of the teacher is to adjust to a constantly changing and growing human nature ... must in consequence be characteristically progressive rather than traditional, thoughtful rather than habitual ... In the case of the classroom teacher, the demand is of four things: (1) scholarship (2) pedagogical technique (3) social values and (4) personality ...

Mohd Salleh (1992) menjelaskan bahawa guru sebagai satu pekerjaan profesional perlu mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- a. Menjalankan satu latihan yang lengkap dan diiktiraf oleh pihak kerajaan.
- b. Perkhidmatan seseorang guru amat diperlukan oleh masyarakat dan negara.
- c. Memerlukan kelulusan dan syarat-syarat tertentu untuk memasuki bidang perguruan.

Perez & Rumey (1991), profesional dapat diuraikan sebagai sikap terhadap profesion dan pelaksanaan setiap tugas dalam profesion tersebut. Profesionalisme seorang guru berkait rapat dengan mutu pendidikan. Keberkesanan dalam profesion perguruan mempunyai hubungan yang intim dengan keupayaan dan usaha guru yang gigih untuk menyempurnakan tanggungjawab terhadap pelajar, sekolah dan masyarakat (K. Suppiah,

2001). Guru yang berpendirian profesional dalam tingkah lakunya dengan memegang kepada nilai-nilai akhlak dan etika yang positif berkemungkinan mampu mempengaruhi pelajarnya daripada ibu bapa mereka sendiri. Konsep guru profesional merupakan pernyataan untuk sesuatu keadaan yang unggul, iaitu tentang apa yang sepatutnya ada, dan ciri-ciri yang terbaik yang diinginkan daripada guru-guru. Dengan lain perkataan ia hanyalah pernyataan secara teori sahaja.. Dalam mengamalkan tugas-tugas harian, dari segi realitinya guru-guru berhadapan dengan pelbagai masalah yang menghalang mereka memenuhi konsep guru profesional sepenuhnya (Robiah Sidin, 2002). Guru profesional merujuk kepada guru-guru yang menunjukkan atribut atau ciri-ciri tertentu. Mengikut Ornstein dan Levine (1993), ciri-ciri itu ialah:

- Berpengetahuan dan mahir
- Mengawal syarat dan standard kemasukan dan pengiktirafan yang diperolehi
- Mempunyai kuasa (autonomi) untuk membuat keputusan
- Mempunyai status ekonomi dan prestij

Socket (1996) menambah satu lagi ciri iaitu profesionalisme menyentuh tentang amalan kerja yang bermutu, bermoral dan beretika. Amalan profesional ini diuraikan dengan lebih lanjut oleh Parkay dan Stanford (1998):

- Tingkah laku yang profesionalisme – beriltizam patuh kepada keperluan etika dan membuat refleksi tentang tugas pengajaran.
- Kesungguhan untuk belajar dan berkembang.
- Terlibat secara aktif dalam meningkatkan profesionalisme perguruan iaitu terlibat dalam usaha menjalankan reformasi pendidikan, pensijilan, dan pengiktirafan guru, pengurusan dan pengendalian hal-hal profesionalisme seperti terlibat sama dalam membuat keputusan tentang syarat-syarat untuk bekerja di bidang perguruan.

Menurut Robiah Sidin (2002), untuk membolehkan seorang guru membentuk atribut yang disebutkan ia harus membentuk sikap mahu menjadi profesional. Biasanya sikap profesional merangkumi:

- Tidak perlu diselia secara rapi; ia boleh berdikari dalam menjalankan tugas
- Sanggup berusaha sama, tidak hanya bekerja secara berseorangan
- Bertanggungjawab di atas segala tindakan
- Sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran
- Beretika dan patuh kepada tatasusila yang ditetapkan
- Beroperasi secara objektif dan rasional, tidak emosional atau berasaskan prasangka
- Naik pangkat berasaskan merit
- Megah dengan kerjanya
- Dorongan utama bekerja untuk memberi khidmat kepada masyarakat.

Peningkatan profesion perguruan pula boleh dilihat sebagai satu proses perubahan konseptual secara berterusan (Keiny (1994)). Bagi Keiny (1994), perubahan konseptual ini boleh berlaku dalam dua keadaan yang saling bergantung; (i) perubahan berlaku dalam lokus sosial-teoretikal dan (ii) dalam konteks praktikal. Dalam konteks pertama, guru berada dalam kumpulan reflektif dan guru bebas menyuarakan pandangannya tentang pengajaran. Perubahan reflektif ini membolehkan guru membina semula pengetahuan mereka tentang pedagogi. Dalam konteks kedua, guru akan mencuba idea baru mereka dan kemudiannya membuat refleksi terhadap pengalamannya. Dalam konteks kajian ini profesionalisme perguruan bermaksud kecekapan, kecemerlangan dan kemahiran seseorang guru semasa menjalankan tugas berdasarkan pengembelangan ilmu dan etika kerja semasa menjalankan tugas, sementara peningkatan profesion perguruan membawa maksud peningkatan aspek tanggungjawab terhadap kurikulum dan pedagogi pada tahap kelas. Ini bermakna peningkatan guru dilihat dari sudut kemahiran, proses membuat refleksi, membuat pertimbangan dan tindakan pada tahap sekolah dan umum.

BAB II

KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.1 PENGENALAN

Penyeliaan pengajaran merupakan salah satu cabang kepemimpinan pengajaran yang harus sentiasa dipertingkatkan kualitinya bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran mencapai matlamatnya secara optimum. Dalam konteks kepemimpinan pengajaran, pengetua memainkan peranan mengurus program pengajaran. Pengurusan program pengajaran memerlukan pengetua menyelia dan menilai pengajaran agar ia berupaya mencapai matlamat kurikulum. Dalam konteks pendidikan, Mohd Salleh Lebar (2000) menyatakan bahawa penyeliaan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran menjadi tugas pentadbir memandangkan penyeliaan adalah sebahagian dimensi pentadbiran sekolah dan dianggap sebagai satu perkembangan bidang profesionalisme pengurusan.

2.2 KEPEMIMPINAN PENGETUA

Berdasarkan Musa dan Amidin (2006) yang merujuk kepada Hallinger dan Murphy (1987), Greenfield (1987) dan Leithwood dan Montgomery (1982), pengetua adalah pemimpin terpenting di sekolah dan merupakan pemboleh ubah yang paling kritikal dalam ruang lingkup kepemimpinan. Gaya kepemimpinannya dapat mempengaruhi dan memajukan tahap perubahan dan pelbagai pembaharuan di sekolahnya. Robbins & Alvy (1995) menyatakan sebagai pemimpin, seorang pengetua mestilah menilai keadaan semasa, membayangkan keadaan masa depan (visi), mengkomunikasikan visi, menentukan kemampuan untuk berubah, merancang dan melaksanakan perubahan, menjadikan diri berkesan, memperkasakan guru, staf dan komuniti, membina

kepercayaan, memantau dan menilai kemajuan. Bagi Jones (2005), seorang pengetua yang kompeten menggunakan sebahagian besar masa mereka untuk memajukan dan meningkatkan kemampuan orang bawahannya untuk kemajuan sekolah bagi masa hadapan. Berdasarkan Stettner (2003) pula, seseorang yang telah dilantik sebagai pemimpin harus sedar bahawa penilaian terhadap keberkesanan dirinya bergantung pada pelaksanaan tugas oleh orang di bawah pimpinannya. Berdasarkan Shahril @ Charil (2000) pula, pengetua yang berkesan perlu mempunyai pelbagai kemahiran dan ketrampilan supaya dapat menjalankan tugas sebagai pemimpin sekolah yang berkesan. Dengan merujuk kepada Sergiovanni (1995), Shahril seterusnya menyenaraikan lima kemahiran seorang pengetua yang berkesan, iaitu, (i) kemahiran tenikal yang bermaksud pengetua boleh memainkan peranan sebagai jurutera pengurusan yang perlu cekap dan mahir memanipulasi strategi dan keadaan untuk menjamin keberkesanan yang maksimum; (ii) kemahiran manusia yang bermaksud pengetua berkesan berperanan sebagai jurutera manusia yang mempunyai kemahiran kemanusiaan yang tinggi dalam aspek perhubungan kemanusiaan; (iii) kemahiran pendidikan yang bermaksud seorang pengetua adalah pemimpin atau pengamal klinikal atau dalam erti kata lain seorang pengetua yang berkesan mesti pakar dalam pendidikan; (iv) kemahiran simbolik yang bermaksud pengetua sebagai ketua atau *chief* di mana pengetua yang berkesan akan berada di sekolah sepanjang masa, membuat rondaan dan lawatan ke bilik darjah, mengenali masalah pelajar dan guru-guru; dan (v) kemahiran budaya yang bermaksud seorang pengetua adalah memainkan peranan sebagai pemimpin agama.


Daripada kajian-kajian yang dijalankan oleh Sweeney, Bossert et al.(1982), Dwyer (1986) dan Paula M. Short dan William A. Spencer (1990) yang mengkaji persepsi guru tentang kepemimpinan pengetua, dapatan daripada kajian-kajian ini boleh dirumuskan seperti berikut:

- Hubungan baik antara pengetua dengan guru-guru dapat membantu meningkatkan prestasi pelajar.
- Hubungan pengetua dengan guru ternyata begitu penting berlandaskan penyeliaan dan penilaian program sekolah. Pengetua yang mempunyai kekuatan kepemimpinan boleh merangsang pelajar-pelajarnya untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran di bilik darjah.

- Hubungan pengetua dengan pelajar menjadi begitu baik sekiranya pengetua melibatkan diri dengan pengajaran di bilik darjah.

2.3 KEPEMIMPINAN PENGAJARAN

Pengajaran merupakan tugas primer seorang guru yang memerlukan pemantauan melalui penyeliaan oleh pengetua. Kepemimpinan pengetua dalam aspek pengajaran dapat dilihat melalui Model Kepemimpinan Pengajaran dalam Rajah 2.1 di bawah:



Rajah 2.1 Model Kepemimpinan Pengajaran

Sumber: Hussein Mahmood (1997)

Hallinger (1981) dan Purkey (1982) mengatakan kajian ke atas beberapa buah sekolah efektif menunjukkan bahawa pengetua telah memainkan peranan aktif sebagai penyelia pengajaran untuk mempengaruhi tahap pencapaian akademik cemerlang di sesebuah sekolah. Berdasarkan Musa dan Amidin (2006), aktiviti-aktiviti pengetua dalam kepemimpinan pengajaran merangkumi, (i) memahami falsafah, dasar dan matlamat sekolah; (ii) pengurusan pengajaran; (iii) kurikulum dan pengajaran; dan (iv) penyeliaan. Manakala Shahril @ Charil (1997) mengatakan bahawa peranan pengetua dalam kepemimpinan pengajaran adalah meliputi: menyelia, membuat cerapan dan memotivasikan guru-guru dalam pengajaran, bertindak sebagai pakar rujuk, membimbing dan tunjuk ajar kepada guru-guru dalam pengajaran, kurikulum, penggunaan alat bantu mengajar dan pengurusan kelas dan pencapaian matlamat dan misi sekolah. Berdasarkan Hallinger & Murphy (1985), terdapat tiga dimensi utama kepada fungsi kepemimpinan pengajaran, iaitu, (i) menjelaskan matlamat sekolah; (ii) mengurus program pengajaran; dan (iii) menggalakkan iklim sekolah. Rajah 2.2 menunjukkan pembahagian ketiga-tiga dimensi ini kepada 11 fungsi:

Menjelaskan matlamat sekolah	Mengurus program pengajaran	Menggalakkan iklim sekolah
1. menentukan matlamat sekolah	1. menyelia dan menilai pengajaran	1. mengawal waktu pengajaran guru
2. menyebarkan maklumat sekolah	2. menyelaraskan kurikulum	2. menyokong dan meningkatkan kemajuan pengajaran guru
	3. memantau dan menilai kemajuan murid	3. mengukuhkan usaha guru
		4. menggalakkan perkembangan profesionalisme
		5. menguatkuasakan dasar akademik murid
		6. memberi insentif perbelanjaan kepada murid

Rajah 2.2 Teori Kepemimpinan Pengajaran Hallinger & Murphy

Sumber: Hallinger & Murphy (1985)


Synder (1983) pula telah mengemukakan model kepemimpinan pengajaran yang menyamai Hallinger. Synder mengemukakan teorinya dalam tiga fasa; fasa perancangan, fasa perkembangan dan fasa pencapaian atau penilaian seperti Rajah 2.3.

FASA 1 Penerangan	FASA 2 Perkembangan	FASA 3 Pencapaian/Penilaian
1. menentukan matlamat format	1. penyeliaan klinikal	1. membuat perancangan semula
2. menubuhkan kumpulan tindakan	2. perkembangan staf	2. menilai keberkesanan
3. membuat perancangan individu	3. perkembangan kurikulum	3. menilai prestasi staf/pelajar/kumpulan
	4. pengurusan prestasi	4. menyediakan laporan untuk tindakan sekolah pada tahun hadapan
	5. pengurusan sumber pembelajaran	

Rajah 2.3 Model Kepemimpinan Pengajaran Synder

Sumber: Synder (1983)

Dwyer (1984) pula melihat konsep kepemimpinan pengajaran sebagai sesuatu yang lebih luas. Peranan pengetua sebagai pengurus dan penyelia pengajaran adalah kompleks dan berkait rapat dengan pelbagai pihak sebagaimana yang diilustrasikan dalam Rajah 2.4.



Rajah 2.4 Model Pengetua Dalam Pengurusan Pengajaran Dwyer

Sumber : Dwyer (1984)

Acheson dan Smith (1986) menjelaskan bahawa kepemimpinan pengajaran pengetua merujuk kepada kepemimpinan yang berkait secara langsung dengan proses pengajaran iaitu, guru, pelajar dan kurikulum yang berinteraksi. Dalam situasi ini seorang pengetua mesti bertindak membuat penyeliaan dan penilaian terhadap guru, perkembangan staf dan latihan dalam perkhidmatan. Namun begitu terdapat beberapa penulis yang berbeza pendapat tentang peranan pengetua sebagai penyelia pengajaran. Bagi Fullon (1979), pengetua berperanan sebagai penyelia pengajaran hanyalah merupakan dongengan sahaja. Antara bukti yang jelas menunjukkan pengetua tidak boleh menjadi penyelia pengajaran termasuklah; (i) pengetua tidak diberi latihan untuk menjadi penyelia pengajaran di peringkat sekolah; (ii) pengetua banyak terlibat dalam pentadbiran dan pengurusan am sekolah; (iii) pengetua tidak mempunyai masa yang banyak untuk menjadi penyelia pengajaran; dan (iv) pengetahuan pengetua tidak pelbagai dan kepandaian mereka sebagai penyelia pengajaran amat terhad. Bagi Ahmad Tajuddin (1989), pengetua tidak dapat menjalankan tugas mereka sebagai penyelia pengajaran memandangkan beban tugas pentadbiran yang berat. Oleh itu pengetua menyerahkan tugas kepemimpinan pengajaran kepada guru kanan mata pelajaran.

2.4 PENYELIAAN PENGAJARAN


Penyeliaan merupakan satu proses memerhati, membimbing dan memberi maklum balas kepada aktiviti profesional oleh penyelia ke atas stafnya (Wan Mohd Zahid Wan Mohd Noordin, 1987). Menurut Salmiyah Mustafar (1995), tugas-tugas yang termasuk dalam bidang penyeliaan pengajaran dan pembelajaran ialah:

- a. Menjalankan penyelian ke atas aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru di bawah bidangnya.
- b. Membimbing guru pelatih, guru baru dan guru sandaran dalam menjalankan tugas mereka.
- c. Menentukan bahan dan sumber pendidikan digunakan dan diselenggarakan dengan berkesan.
- d. Menyelaraskan pengurusan dan perjalanan aktiviti-aktiviti bimbingan, pemulihan dan pengkayaan.
- e. Membantu dan memilih buku teks, bahan pusat sumber, alat pandangan dengar dan bahan-bahan pendidikan lain.
- f. Mengenal pasti masalah kelemahan pelajar dan mencari langkah-langkah untuk mengatasinya.
- g. Menyelia kerja-kerja pelajar.

Glatthorn (1984) mendefinisikan penyeliaan pengajaran sebagai, “ satu proses yang direka bentuk untuk mempertingkatkan pengajaran melalui perbincangan bersama guru mengenai rancangan pengajaran, pemerhatian pengajaran, menganalisis data pemerhatian, dan memberi maklum balas mengenai pemerhatian.” Good et al. (1973) pula menyatakan tujuan penyeliaan adalah untuk membina usaha-usaha berterusan dalam menyediakan program pendidikan yang berkualiti tinggi kepada pelajar, sementara Halman (1987) berpandangan bahawa tujuan penyeliaan adalah berkaitan dengan pembangunan insan yang terlibat iaitu pembangunan diri guru serta kemahirannya dan pembangunan diri pelajar dalam pembelajarannya. Menurut Lovell (1983), seseorang penyelia yang telah dilantik secara rasmi memainkan peranan yang penting. Sebahagian besar daripada masa mereka diluangkan untuk meningkatkan pengajaran. Bagi Lovell

lagi, tugas-tugas seorang penyelia merangkumi, “*developing and evaluating educational objectives, programs, and instruction; helping teachers develop professionally; providing support and assistance to teacher performance; and evaluating teaching performance.*”

Berdasarkan beliau lagi, antara sumber pengetahuan daripada mana penyelia boleh memperolehi asas konseptual dan teori bagi amalan penyeliaan mereka termasuklah komunikasi, motivasi, perubahan, kesihatan mental, pengajaran dan pembelajaran, kumpulan pembangunan dan organisasi. Rajah 2.5 di bawah menunjukkan kepentingan penyeliaan khasnya bagi mewujudkan suasana sekolah yang berkesan dari pandangan Glickman (1990).



Rajah 2.5 Penyeliaan untuk Sekolah Berkesan

Sumber: Glickman (1990)

Secara mudahnya, konsep penyeliaan merangkumi aktiviti seperti dalam Rajah 2.6.



Rajah 2.6 Konsep Penyeliaan

Teori-teori penyeliaan yang diamalkan masa kini boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu, (i) Teori Penyeliaan Tradisional, (ii) Teori Penyeliaan Humanistik dan (iii) Teori Penyeliaan Saintifik Moden.

i. Teori Penyeliaan Tradisional

Teori ini memberikan penekanan kepada penyeliaan terhadap keseluruhan tugas guru supaya pengajaran yang berkesan dapat dihasilkan. Berdasarkan Lucio (1967), teori ini mewakili falsafah penyeliaan yang berunsur autokrat di mana guru dilihat sebagai seorang yang diupah untuk menunaikan tugas-tugas tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan.

ii. Teori Penyeliaan Humanistik


Berdasarkan teori ini, guru dilihat sebagai manusia menyeluruh dan bukan sebagai kemahiran atau bakat untuk dipergunakan oleh penyelia. Teori ini mementingkan

hubungan baik antara penyelia dengan guru yang diselia. Penyertaan bersama menjadi kaedah penting kepada teori ini di mana matlamatnya adalah untuk membuat guru-guru berasa mereka adalah berguna dan penting kepada sekolah (Gordon et al. 1983)

iii. Teori Penyeliaan Saintifik Moden

Menurut Husin (1992), teori ini memberi tumpuan pada konsep ketrampilan dan peningkatan ke arah mencapai kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran. Implikasi teori ini dapat mencungkil keperluan motivasi, kepuasan dan komitmen dari segi pengiktirafan, pujian dan menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis. Ia juga merupakan pengembelingan daya serta menggalakkan komunikasi dua hala.

Selain teori penyeliaan, terdapat beberapa model dalam proses penyeliaan yang boleh menjadi asas untuk penyelia dalam usaha menjalankan penyeliaan secara berkesan serta mencapai matlamat iaitu mempertingkatkan persediaan pengajaran guru dan meningkatkan prestasi murid. Rajah 2.7 di bawah menunjukkan model-model penyeliaan yang seringkali digunakan oleh penyelia.



Rajah 2.7 Model-model Penyeliaan

a. Model Tingkap Johari

Model Tingkap Johari oleh Sergiovanni dan Starratt (1988) seperti dalam Rajah 2.8, memperlihatkan pertalian atau hubungan yang berlainan dalam aspek landasan pendidikan guru yang dikatakan oleh dirinya sendiri dan orang lain.

- i. Tingkap pertama diri terbuka (*open self*) - di mana pengetahuan guru dalam aspek tingkah laku adalah menyamai pengetahuan penyelia klinikal. Ia adalah kawasan yang sangat berkesan dan komunikasi adalah berjalan lancar. Guru lebih bersifat mempertahankan diri dalam proses penyeliaan pengajaran, ini adalah merupakan ruang terpenting dan patut diperluaskan.
- ii. Tingkap kedua diri berahsia (*secret self*) - di mana guru mengetahui aspek tingkah laku pengajaran tetapi penyelia tidak mengetahuinya. Di sini pada kebiasaannya guru akan menyembunyikan pengetahuan ini daripada penyelia kerana bimbang akan dieksploitasi oleh penyelia. Dalam proses penyeliaan pengajaran, ruang ini sepatutnya diperkecilkan.
- iii. Tingkap ketiga diri yang buta (*blind self*) - menyatakan penyelia mengetahui aspek dan selok belok tingkah laku pengajaran dan amalan-amalan profesionalisme, tetapi guru kurang mengambil berat tentangnya. Oleh itu ruang ini penting bagi membantu guru dari segi meningkatkan kecekapan dan prestasi pengajaran guru dengan pengalaman dan pengetahuan daripada penyelia.
- iv. Tingkat keempat diri belum teroka (*undiscovered self*) - menyatakan aspek tingkah laku guru dan amalan profesionalisme guru tidak diketahui oleh guru dan penyelia. Dalam penyeliaan pengajaran, ruang ini boleh dikecilkan melalui penyeliaan klinikal di mana perbincangan sama ada sebelum, semasa atau selepas penyeliaan. Di sini akan diwujudkan persefahaman atau penemuan antara keduanya dalam proses penyeliaan yang turut membincangkan aspek kekuatan dan kelemahan pengajaran.

	Apa yang penyelia tahu tentang guru	Apa yang penyelia tidak tahu tentang guru
Apa yang guru tahu tentang dirinya	1. Diri terbuka (Open self)	2. Diri berahsia (Secret self)
Apa yang guru tidak tahu tentang dirinya sendiri	3. Diri yang buta (Blind self)	4. Diri Belum Teroka (Undiscovered self)

Rajah 2.8 Model Tingkap Johari

Sumber: Sergiovanni, T.J. dan Starratt, R.J. (1988)

b. Model Penyeliaan Berorientasikan Matlamat

Berdasarkan Ishak Harun (1986), ciri-ciri model ini ialah:

- i. Lebih menekankan pendekatan individu atau perseorangan di mana tujuan utama penyeliaan itu ialah untuk membimbing pelatih ke arah mengatasi kelemahannya. Oleh itu, penekanan aspek-aspek yang dinilai adalah berbeza antara satu dengan lain.
- ii. Hubungan antara penyeliaan dengan guru adalah rapat dan guru dikehendaki memainkan peranan yang aktif. Guru pelatih dikehendaki mengenali kelemahan sendiri dan mencadangkan cara mengatasinya.

c. Model Klinikal

Penyeliaan klinikal merupakan satu pendekatan bimbingan yang melibatkan usaha sama antara penyelia dan guru untuk menyelesaikan masalah pengajaran pembelajaran secara demokratik. Ini menjadikan guru-guru lebih mahir, cekap dan peka terhadap tugas mereka. Penyeliaan atau pencerapan klinikal boleh dikategorikan kepada dua pendekatan asas, iaitu, pendekatan preskriptif dan pendekatan kolaboratif. Dalam pendekatan preskriptif, seorang penyelia adalah merupakan sumber kepakaran yang unggul dalam

konteks dialog antara penyelia dengan guru. Seseorang penyelia mempunyai sikap autokratik dan menganggap dirinya sebagai sumber segala pengetahuan dan kemahiran. Penyelia akan dilengkapi dengan satu *blueprint* yang mesti diikuti 100% semasa membuat pemerhatian. Manakala dalam pendekatan kolaboratif, tugas penyelia bukan semata-mata untuk membuat penyeliaan tetapi lebih berperanan sebagai pembimbing dan kaunselor. Penyelia menggunakan instrumen pemerhatian untuk mengumpulkan data dan maklumat yang akan dijadikan asas perbincangan dan sesi konferensi dengan guru.

Menurut Ibrahim Mamat (1993), terdapat dua cara penyeliaan yang sering kali diamalkan oleh pengetua iaitu:

- i. Autokratik di mana penyeliaan dilakukan untuk mengetahui sama ada arahan atau peraturan yang telah diberi dipatuhi atau tidak. Guru yang banyak kesalahan mendapat laporan buruk, manakala guru yang mengikut arahan mendapat laporan baik. Suasana antara guru di bawah pemimpin autokratik adalah tegang dan tertekan.
- ii. Demokrasi di mana pengawasan dijalankan mengikut program kerja tertentu. Pengetua memberi kepercayaan kepada semua guru sehingga masing-masing merasai mereka dihargai dan kebolehan mereka diakui. Pengetua menjalankan penyeliaan dengan ikut bekerja secara aktif, kadang-kadang di hadapan untuk menjadi teladan, kadang-kadang di tengah untuk membangkitkan semangat dan kadang-kalanya di belakang untuk memberi kebebasan bekerja kepada guru-guru.

2.5 PENYELIAAN PENGAJARAN DAN PERMASALAHANNYA

Terdapat pelbagai halangan dalam menjamin keberkesanan penyeliaan pengajaran. Empat faktor yang sering kali dikenal pasti sebagai halangan dalam penyeliaan pengajaran ialah pengetua (masa, kurang kemahiran dan pengetahuan, tekanan dan ciri-ciri peribadi pengetua), guru (sikap dan motivasi guru), pelajar dan kelengkapan serta kemudahan (http://www.geocities.com/padeat68/pengenalan_penyeliaan_P_P.htm?200820). Asnah Abd. Hamid (1993) pula menggariskan beberapa kriteria peribadi pengetua yang

menghalang pengetua melakukan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran terhadap guru-gurunya seperti;

- i. Pengetua dan guru yang terlalu mengenali antara satu sama lain akan mengganggu gugat proses penyeliaan pengajaran dan pembelajaran. Persoalan timbul tentang sikap terhadap jantina mungkin timbul.
- ii. Pengetua yang menyelia guru-guru di dalam kelas mungkin mewujudkan keresahan di dalam diri guru yang diselia. Keadaan ini akan menyebabkan guru mempamerkan perlakuan seperti patuh kepada arahan dan hanya melakukan sahaja apa yang dilakukan di dalam kelas tersebut. Pernyataan ini turut disokong oleh Al Ramaiah (1999).
- iii. Jika motivasi pengetua tinggi di dalam penyeliaan akan menghasilkan keputusan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang memuaskan dan begitu sebaliknya.
- iv. Gaya pengetua memainkan peranan penting terutama selepas penyeliaan dilakukan. Contohnya, sokongan dan cara arahan, penerangan yang positif dapat membantu guru meningkatkan pengajarannya. Jika wujud pertembungan antara pengetua dan guru ia boleh mewujudkan ketidaksefahaman haluan.
- v. Perhubungan antara pengetua dengan guru yang diselia jika terlalu intim akan menyebabkan penyelia itu lebih bersifat peribadi. Pengetua akan menghadapi kesukaran untuk melakukan penyeliaan yang lebih objektif. Oleh itu, kemungkinan guru itu tidak dapat menerima teguran secara profesional.
- vi. Kerap kali wujud penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan had ruang penyeliaan. Pengetua akan melakukan pencabulan hak staf yang diselia. Keadaan ini berlaku kerana pengetua menganggap dirinya serba tahu daripada guru-guru tadi. Oleh itu, hak guru perlulah dihormati.
- vii. Pengetua sering menggunakan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran sebagai kayu ukur dalam penilaian prestasi dan menapis guru-guru yang tidak mencapai tahap yang diharapkan. Keadaan ini berkemungkinan menimbulkan rasa tidak puas hati dikalangan guru-guru. Pengetua harus bijak menguruskan semua ini.
- viii. Etika kerahsiaan mestilah dipatuhi. Perkara ini penting untuk membina, memupuk dan mengekalkan perhubungan. Penyelia perlu sihat dan dinamik agar penyeliaan yang dilakukan mendapat keputusan yang diharapkan. Ada pengetua dengan

terang-terang menyatakan mana-mana guru yang mengajar dengan cara yang lemah di dalam mesyuarat staf.

Hak Milik MARA

BAB III

METODOLOGI

3.1 PENGENALAN

Bahagian ini membentangkan tentang reka bentuk, prosedur kajian, lokasi, populasi, sampel, instrumen dan penganalisan data. Ini bagi menjawab segala persoalan kajian yang telah digariskan, iaitu untuk melihat pelaksanaan penyeliaan pengajaran oleh penyelia pengajaran Maktab Rendah Sains MARA Zon Selatan bagi melestarikan mutu pengajaran dan pembelajaran.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini adalah kajian yang berbentuk tinjauan bagi memberi maklumat kepada penyelidik untuk menjawab persoalan kajian ini. Maklumat yang diperolehi menjadi garis panduan kepada penyelidik supaya ianya dapat digunakan bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan. Menurut John W. Creswell (2005), reka bentuk kajian tinjauan adalah bertujuan untuk mengenal pasti pendapat individu berkaitan sesuatu isu dan melibatkan polisi. Selain itu kajian tinjauan juga dapat menghuraikan aliran atau fenomena yang melibatkan komuniti, negeri dan peringkat kebangsaan. Kajian tinjauan juga digunakan untuk mengukur pemboleh ubah yang berkait dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pemboleh ubah tersebut wujud (Mohd Majid 1998).

Berdasarkan Mohd Majid Konting (1998), reka bentuk sesuatu penyelidikan adalah teknik dan kaedah tertentu untuk memperolehi maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah. Khususnya, reka bentuk sesuatu penyelidikan membincangkan bagaimana untuk mencapai sesuatu objektif penyelidikan. Reka bentuk merupakan keseluruhan rangka projek penyelidikan yang menyatakan apakah jenis kajian yang hendak dilaksanakan, jenis maklumat yang perlu dikumpulkan, daripada sumber maklumat boleh didapati dan dengan kaedah apa maklumat boleh diperolehi. Manakala Chua Yan Piaw (2006) pula menyatakan bahawa reka bentuk sesuatu kajian adalah ditentukan oleh tujuan kajian. Bagi Kerlinger (1986) pula, reka bentuk mempunyai dua tujuan utama:

- i. untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan kajian; dan
- ii. untuk mengawal varians

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang telah mengguna pakai reka bentuk tinjauan bagi melihat pelaksanaan penyeliaan pengajaran oleh penyelia pengajaran MRSM di Zon Selatan untuk meningkatkan profesionalisme perguruan. Kajian deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting 1998). Berdasarkan Chua Yan Piaw (2006), kajian tinjauan merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang digunakan dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang sains sosial. Ia digunakan untuk meninjau keberkesanan sesuatu produk atau rancangan. Manakala menurut Sidi Gazalba (1981), kaedah tinjauan adalah untuk mengumpul data daripada sejumlah unit atau individu dalam satu masa. Kaedah tinjauan ini dipilih kerana ia bersifat saintifik memandangkan ukuran kualitatif dan kuantitatif mudah diperolehi, logik dan khusus.

3.3 POPULASI KAJIAN

Populasi kajian adalah terdiri daripada guru-guru di MRSM Zon Selatan daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan, yang dipilih berdasarkan maklumat daripada Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah MARA di Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur. Kategori-kategori ini dipilih memandangkan mereka terlibat secara langsung dalam aktiviti penyeliaan, khususnya pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru

yang membentuk populasi kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru daripada demografi yang berbeza, berdasarkan jantina, umur, pengalaman mengajar di MRSM dan pengalaman menyelia.

3.4 SAMPEL KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah Pensampelan Rawak Berstrata (*stratified sampling*). Menurut Chua (2006) kaedah pensampelan ini merujuk kepada prosedur pensampelan di mana rangka persampelan adalah heterogen iaitu mempunyai sub sampel. Sub sampel kajian ini ialah penyelia pengajaran yang terdiri daripada seorang pengetua, dua orang timbalan pengetua dan empat orang ketua jabatan bagi setiap MRSM di Zon Selatan. Terdapat sepuluh buah MRSM di Zon Selatan. Memandangkan tujuh sampel kajian yang mewakili penyelia pengajaran bagi setiap maktab, penyelidik melibatkan kesemua MRSM di Zon Selatan supaya bilangan sampel tersebut dapat mewakili populasi berkenaan. Bilangan sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah 70 orang. Pemilihan sampel yang dibuat mengikut MRSM di Zon Selatan adalah seperti dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1 Pemilihan Sampel Mengikut MRSM di Zon Selatan

MRSM Zon Selatan	Bil. Penyelia Pengajaran	Jumlah
MRSM Tun Ghafar Baba	7	7
MRSM Muar	7	7
MRSM Muadzam	7	7
MRSM Kuala Klawang	7	7
MRSM Pontian	7	7
MRSM Batu Pahat	7	7
MRSM Kuching	7	7
MRSM Mersing	7	7
MRSM Gemencheh	7	7
MRSM Terendak	7	7
Jumlah		70

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan instrumen soal selidik menjadi alat kajian utama. Instrumen ini digunakan untuk mengumpul maklumat daripada penyelia pengajaran Maktab Rendah Sains MARA Zon Selatan terhadap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran di Maktab Rendah Sains MARA Zon Selatan dalam meningkatkan profesionalisme perguruan. Pemilihan kaedah soal selidik ini dibuat adalah berdasarkan bahawa kajian ini merupakan kajian kaedah tinjauan yang melibatkan saiz sampel yang besar. Manakala, maklumat yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi untuk menjelaskan maklumat yang diperolehi. Faktor jarak, kewangan, kekangan masa dan tenaga juga diambil kira oleh penyelidik dalam membuat keputusan melaksanakan kajian ini secara kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mempunyai soalan berbentuk skala likert dan soalan jawapan terbuka. Data utama yang akan dianalisis ialah data yang terkumpul dari maklum balas soal selidik yang diedarkan kepada penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan. Menurut Mohd Majid Konting (1998), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Manakala Ahmad Mahdzan Ayob (2005) mentakrifkan soal selidik sebagai alat untuk mengumpul data bagi penyelidik sains sosial. Ianya dinamakan instrumen yang tidak lebih daripada satu borang yang dibentuk khusus untuk mengisi maklumat yang diberikan kepada setiap responden dalam temubual. Responden dalam soal selidik ini terdiri daripada penyelia pengajaran MRSM Zon Selatan daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan.

Soal selidik ini dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan kerangka konsep kajian seperti dalam Rajah 1.1. Konstruk bagi pembentukan soal selidik adalah seperti dalam kerangka konsep kajian tersebut. Asas bagi konstruk lima turutan penyeliaan klinikal adalah berdasarkan kepada Model Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh Goldhammer et al. (1980) yang telah diubah suai untuk tujuan kajian ini.

Item-item yang dibentuk dalam soal selidik ini dibina sendiri berdasarkan konstruk-konstruk dalam Model Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh Goldhammer et al.(1980) yang diubahsuai untuk tujuan kajian. Item-item yang dibina juga menggunakan item-item yang diubah suai dari soal selidik yang digunakan oleh Sheela Devi (2002).

Soal selidik mengandungi dua bahagian. Bahagian A mengandungi tujuh item, untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang responden. Bahagian B mengandungi 61 item bagi mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan proses penyeliaan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal, konferensi sebelum penyeliaan (16), pemerhatian (17), analisis dan strategi (12), konferensi selepas penyeliaan (12) dan analisis selepas konferensi (4). Semua item-item yang dibina dalam soal selidik tersebut adalah untuk dijawab oleh penyelia pengajaran bagi kajian ini. Perincian mengenai kandungan soal selidik adalah seperti jadual 3.2.

Jadual 3.2 Kandungan soal selidik

Bahagian	Aspek/Konstruk yang diukur	Bil.Item	Item
Bahagian A	Maklumat Demografi	7	A1 hingga A7
Bahagian B	• konferensi sebelum penyeliaan	16	B1 hingga B16
	• pemerhatian	17	B17 hingga B33
	• analisis dan strategi	12	B34 hingga B45
	• konferensi selepas penyeliaan	12	B46 hingga B57
	• analisis selepas konferensi	4	B58 hingga B61

3.6 KAJIAN RINTIS

Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan pada bulan September 2008. Sampel kajian terdiri daripada 25 orang penyelia pengajaran di luar daripada MRSM Zon Selatan dipilih untuk menjawab soal selidik yang diberikan. Tujuan utama kajian rintis dijalankan adalah untuk menguji kefahaman responden terhadap item-

item dalam soal selidik yang digunakan dan untuk menguji kebolehpercayaan alat kajian. Menurut Amin (1990), terdapat tiga tujuan kajian rintis dijalankan, iaitu;

- i. memastikan bahawa bahasa dan struktur ayat yang digunakan dalam soal selidik itu boleh difahami oleh responden;
- ii. memastikan bahawa pernyataan yang dikemukakan dalam soal selidik itu menepati pengalaman responden; dan
- iii. memastikan soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik itu dapat menghasilkan jawapan yang dikehendaki oleh penyelidik.

Menurut Alias Baba (1992), tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk memastikan soalan-soalan yang terdapat dalam soal selidik tidak mengelirukan, tepat serta mudah difahami oleh responden. Oleh itu segala pandangan, komen dan cadangan yang diberikan oleh responden kajian rintis ini akan digunakan untuk memperbaiki segala kelemahan yang terdapat dalam soal selidik kajian. Mana-mana item yang lemah atau kabur akan diperbaiki.

Sesuatu alat atau ujian itu dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi sekiranya darjah kebolehannya mengukur apa yang sepatutnya ia ukur adalah tinggi. Kesahan alat atau instrumen soal selidik yang digunakan dalam penyelidikan boleh di ukur melalui hubungan atau korelasi antara jumlah skor dengan skor setiap item berkenaan. Abu Bakar (1985) dan Abu Bakar (1995) dalam Jamil Ahmad (2002) mencadangkan kaedah analisis korelasi Pearson antara skor setiap item dengan jumlah skor mengikut dimensi atau konstruk berkenaan dan menyarankan nilai koefisien kolerasi yang minimum dan diterimapakai adalah 0.30.

Zaidatun dan Mohd Salleh (2003) menyatakan, secara umumnya kebolehpercayaan merupakan ukuran kepada keupayaan sesuatu instrumen penyelidikan dalam mengukur permasalahan (pembolehubah) kajian secara konsisten setiap kali ia digunakan pada masa, tempat dan sampel yang berlainan. Terdapat beberapa kaedah dalam menentukan koefisien kebolehpercayaan sesuatu instrumen salah satunya adalah dengan kaedah kestabilan dalaman menggunakan prosedur *Cronbach Alpha*. Prosedur ini

dapat dilaksanakan menerusi prosedur *Reliability Analysis* di dalam SPSS. Nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach adalah antara 0.00 hingga 1.00. Mohd Majid (1998) menyatakan bahawa nilai Alfa Cronbach melebihi 0.6 boleh dianggap mencukupi sebagai indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan.

Hasil analisis kajian rintis yang untuk soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian seperti di dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3 Hasil kajian rintis soal selidik

Aspek Proses	Item	Scale Variance Jika Digugurkan	Item Diperbetul - Jumlah Korelasi	Nilai Alfa Jika Item Digugur	Nilai Alfa Keseluruhan
1.Konferensi Sebelum Penyeliaan	B1	58.3400	0.1847	0.8746	0.8710
	B2	58.7567	0.1398	0.8759	
	B3	56.4167	0.3452	0.86980	
	B4	54.8600	0.4375	0.8665	
	B5	52.3233	0.6400	0.8578	
	B6	52.7267	0.5903	0.8599	
	B7	54.7100	0.4002	0.8683	
	B8	55.4167	0.3755	0.8691	
	B9	55.5833	0.3116	0.8726	
	B10	53.8333	0.5192	0.8631	
	B11	51.6600	0.6297	0.8577	
	B12	53.0267	0.5601	0.8612	
	B13	50.1767	0.6856	0.8545	
	B14	47.9233	0.7802	0.8485	
	B15	50.9400	0.6219	0.8579	
	B16	49.8900	0.7042	0.8534	

bersambung...

...sambungan

2. Pemerhatian	B17	76.1233	0.6881	0.9246	
	B18	80.3100	0.7405	0.9239	
	B19	80.2100	0.7431	0.9238	
	B20	79.6900	0.7132	0.9241	
	B21	83.8900	0.4740	0.9290	
	B22	79.7067	0.6245	0.9259	
	B23	77.6667	0.6901	0.9242	0.9297
	B24	80.2267	0.8444	0.9227	
	B25	80.4567	0.7056	0.9245	
	B26	79.5233	0.4371	0.9331	
	B27	77.8900	0.7976	0.9219	
	B28	75.8900	0.7011	0.9242	
	B29	86.9600	0.2198	0.9329	
	B30	77.8767	0.6979	0.9240	
	B31	76.2400	0.7701	0.9220	
3. Analisis dan Strategi	B32	78.8267	0.5943	0.9269	
	B33	79.0767	0.6146	0.9262	
	B34	50.9167	0.5577	0.8959	
	B35	48.8433	0.7126	0.8888	
	B36	46.1667	0.7008	0.8888	
	B37	50.0067	0.5486	0.8965	
	B38	51.2900	0.6634	0.8928	
	B39	48.4267	0.5561	0.8972	0.9009
	B40	49.7733	0.6633	0.8913	
	B41	51.3333	0.6614	0.8929	
	B42	47.3267	0.6681	0.8905	
	B43	46.2500	0.6563	0.8920	
					bersambung...

...sambungan

	B44	47.6100	0.7652	0.8857	
	B45	51.3767	0.4458	0.9013	
	B46	46.0567	0.4471	0.8749	
4.Konfrensi Selepas	B47	45.4433	0.5712	0.8683	
Penyeliaan	B48	46.0567	0.6439	0.8666	
	B49	43.9100	0.7162	0.8607	0.8777
	B50	42.0833	0.6665	0.8618	
	B51	42.9067	0.6850	0.8610	
	B52	47.0567	0.5250	0.8715	
	B53	42.9900	0.7196	0.8593	
	B54	42.6667	0.7734	0.8565	
	B55	44.0233	0.3310	0.8945	
	B56	46.7100	0.4970	0.8723	
	B57	41.9600	0.6000	0.8670	
5. Analisis Selepas	B58	8.7500	0.4390	0.9183	
Konferensi	B59	6.3600	0.8025	0.7775	
	B60	6.4733	0.8323	0.7639	0.8594
	B61	7.3733	0.7845	0.7927	

Berdasarkan Jadual 3.3, indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi aspek konferensi sebelum pemerhatian (16 item) ialah 0.8710, aspek pemerhatian (17 item) ialah 0.9297, aspek analisis dan strategi (12 item) ialah 0.9009, aspek konferensi selepas penyeliaan (12 item) ialah 0.8777 dan aspek analisis selepas konferensi ialah 0.8594. Indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach iaitu antara 0.8594 hingga 0.9297 adalah tinggi. Berdasarkan pandangan Mohd Majid (1980), maka indeks kebolehpercayaan item bagi komponen ini adalah tinggi dan boleh diterimapakai.

3.7 TATACARA PENGUMPULAN DATA

Sebelum kajian rintis dan kajian sebenar dijalankan, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan institusi pendidikan MARA daripada Bahagian Pendidikan Latihan (Menengah) MARA (BPLM) di Ibu Pejabat MARA, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. (Sila Lihat Lampiran A).

Proses pengumpulan data telah dijalankan pada bulan Oktober 2008 melalui pos. Borang-borang soal selidik yang diposkan kepada pengetua-pengetua MRSM Zon Selatan dilampirkan sekali dengan satu salinan surat kebenaran menjalankan kajian. Bagi memudahkan penghantaran semula kepada penyelidik, disertakan juga sampul surat beralamat penyelidik dan bersetem. Penyelidik meminta kerjasama daripada pihak pengetua MRSM yang terlibat dengan ini untuk mengembalikan borang soal selidik yang telah dilengkapkan dalam tempoh seminggu daripada tarikh penerima. Penyelidik juga menghubungi pengetua untuk mendapatkan kembali borang soal selidik apabila mendapati ianya melebihi dua minggu daripada tarikh penyelidik menghantarnya. Surat penghargaan dan terima kasih dihantar kepada pengetua sebaik sahaja menerima kembali borang-borang soal selidik.

Sebanyak 70 set borang soal selidik diposkan ke sepuluh buah MRSM, daripada jumlah tersebut 63 set borang soal selidik telah dikembalikan kepada penyelidik. Empat set borang soal selidik yang kembalikan tidak dijawab dengan lengkap oleh responden. Kadar pemulangan soal selidik adalah 90 peratus. Kadar memulangan ini adalah tinggi berasaskan kepada Kellingner (1970) dalam Jamil 2002, menyatakan bahawa pulangan soal selidik yang melebihi 80 peratus merupakan satu kadar pulangan yang baik.

3.8 TATACARA PENGANALISISAN DATA

Maklumat-maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan kepada jawapan-jawapan yang diberikan oleh sampel kajian dan dianalisis menggunakan perisian komputer *SPSS 11.5 For Windows*. Dua jenis statistik digunakan itu statistik deskriptif dan statistik inferensi.

Statistik deskriptif atau statistik pemerihalan yang digunakan ialah frekuensi dan peratusan untuk menghuraikan secara keseluruhan tentang profil responden seperti jantina, umur, pengalaman mengajar dan pengalaman menyelia. Manakala statistik inferensi digunakan untuk melihat perbezaan antara dua min pemboleh ubah. Statistik inferensi yang digunakan ialah ujian-t untuk menguji hipotesis yang disarankan.

3.8.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif di gunakan bagi menghuraikan secara menyeluruh tentang profil subjek kajian seperti jantina, umur, pengalaman mengajar dan pengalaman menyelia bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Statistik yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Bagi menjawab persoalan kajian tentang tahap proses pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran, interpretasi skor min digunakan seperti dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.4 Interpretasi skor min bagi tahap proses pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sumber : Jamil Ahmad (2002)

3.8.2 Analisis Inferensi

Analisis statistik inferensi digunakan untuk melihat perkaitan yang wujud antara dua jenis pemboleh ubah yang dikaji iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah faktor demografi iaitu jantina, umur,

pengalaman mengajar dan pengalaman menyelia. Manakala pemboleh ubah bersandar ialah aspek-aspek yang terdapat dalam komponen proses pelaksanaan penyeliaan pengajaran Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal. Statistik inferensi yang digunakan ialah ujian-t.

Dalam kajian ini penyelidik mengkategorikan pengalaman mengajar di MRSM kepada dua iaitu satu hingga sepuluh tahun dan melebihi sepuluh tahun. Kategori ini dipilih berdasarkan kepada lantikan ketua jabatan telah berkhidmatan antara lapan tahun hingga sepuluh tahun. Manakala pengalaman menyelia pengajaran guru juga dikategorikan kepada dua iaitu kurang dari lima tahun dan melebihi lima tahun. Pemilihan kategori ini dibuat berdasarkan anggapan bahawa pengalaman menyelia yang kurang dari lima tahun dianggap kurang berpengalaman berbanding enam tahun pengalaman menyelia yang dianggap berpengalaman.

3.9 KESIMPULAN

Kajian ini adalah satu kajian tinjauan terhadap proses pelaksanaan penyeliaan pengajaran dalam kalangan penyelia pengajaran dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada 59 orang penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan. Pengumpulan data menggunakan perkhidmatan pos yang dihantar melalui pengetua dengan menyertakan bersama sampul surat yang beralamat dan berselem untuk dikembalikan kepada penyelidik. Data yang diperolehi diproses dengan menggunakan komputer berperisian *SPSS 11.5 For Windows*. Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik inferensi menggunakan ujian-t bagi menguji hipotesis-hipotesis kajian.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan membentangkan hasil analisis data kajian meliputi profil responden dan seterusnya diikuti dengan analisis tentang proses pelaksanaan penyeliaan pengajaran dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan. Kajian ini menggunakan statistik deskriptif iaitu frekuensi dan peratusan bagi menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian. Interpretasi skor min digunakan untuk menentukan tahap pengamalan pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan seperti dalam Jadual 3.4. Statistik inferensi, iaitu ujian t digunakan untuk menguji hipotesis kajian.

4.2 PROFIL RESPONDEN

Responden kajian ini terdiri daripada 59 orang penyelia pengajaran iaitu pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di MRSM Zon Selatan. Profil lengkap responden adalah seperti dalam Jadual 4.1

Jadual 4.1 Profil responden kajian

Latar Belakang	Responden	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	33	55.9
	Perempuan	26	44.1
Jawatan	Pengetua	9	15.3
	Timbalan Pengetua	14	23.7
	Ketua Jabatan	36	61.0
Umur	Kurang dan 30 Tahun	3	5.1
	31 hingga 35 Tahun	5	8.5
	36 hingga 40 Tahun	11	18.6
	41 hingga 45 Tahun	3	5.1
	46 Tahun dan ke atas	37	62.7
Pengalaman Mengajar Di MRSM	1 hingga 10 Tahun	14	23.7
	Melebihi 10 Tahun	45	76.3
Pengalaman Menyelia Pengajaran	1 hingga 5 Tahun	36	61.0
	Melebihi 5 tahun	23	39.0

Seramai 33 orang (55.9%) adalah guru lelaki dan 26 orang (44.1%) guru perempuan. Daripada kalangan tersebut pengetua adalah sembilan orang (15.3%), timbalan pengetua adalah 14 orang (23.7%) dan ketua jabatan adalah 36 orang (61.0%). Responden kajian ini mempunyai pelbagai peringkat umur, kurang dan 30 tahun 3 orang (5.1%), 31 tahun hingga 35 tahun adalah lima orang (8.5 %), 36 tahun hingga 40 tahun adalah 11 orang (18.6), 41 tahun hingga 45 tahun adalah tiga orang (5.1%) dan umur 46 tahun dan ke atas adalah 37 orang (62.7%). Mereka ini mempunyai pengalaman mengajar di MRSM iaitu satu tahun hingga sepuluh ramai 14 orang (23.71%), melebihi 10 tahun adalah 45 orang (76.3%). Manakala pengalaman menyelia yang diperolehi iaitu satu hingga lima tahun adalah 36 orang (61.0%) dan melebihi 5 tahun 23 orang (39.0%).

4.3 DAPATAN KAJIAN PERSOALAN PERTAMA

Bahagian ini mempunyai item-item untuk mendapatkan maklum balas responden tentang tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan. Pelaksanaan proses tersebut berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinik, iaitu konferensi sebelum penyeliaan, pemerhatian, analisis dan strategi, konferensi penyeliaan, dan analisis selepas konferensi.

4.3.1 Tahap Pelaksanaan Proses Penyeliaan Pengajaran Pada Peringkat Konferensi Sebelum Pemerhatian Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinik Dalam Kalangan Penyelia Pengajaran Di MRSM Zon Selatan

Jadual 4.2 menunjukkan skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat konferensi sebelum penyeliaan dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan. Interpretasi skor min bagi tahap proses pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinik seperti dalam jadual 3.4

Jadual 4.2 Skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan

Item	Skor min	Sisihan Lazim	Tahap Pelaksanaan
B1. Pihak Pentadbiran Maktab merancang tarikh dan masa penyeliaan untuk guru.	4.320	0.730	Tinggi
B2. Memberitahu guru tarikh dan masa penyeliaan.	4.360	0.804	Tinggi
B3. Memberitahu guru jangka masa bagi penyeliaan yang akan dilakukan.(contoh; satu <i>period</i> atau dua <i>period</i>)	4.100	0.892	Tinggi
B4. Berjumpa dengan guru yang akan diselia dan bertegur-sapa sebelum perbincangan mengenai pengajaran dan pembelajaran yang akan diselia.	3.750	1.092	Tinggi

bersambung...

...sambungan

B5. Membincangkan objektif pengajaran dan Pembelajaran	3.440	0.876	Sederhana
B6. Membincangkan isi kandungan pelajaran yang akan disampaikan oleh mereka.	2.980	1.058	Sederhana
B7. Membincangkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang akan digunakan oleh guru.	2.850	0.997	Sederhana
B8. Membincangkan penggunaan sumber pengajaran dan pembelajaran.	2.810	1.074	Sederhana
B9. Memaklumkan kepada guru bahawa penyelia akan menilai set induksi pengajaran.	3.370	1.081	Sederhana
B10. Memaklumkan kepada guru bahawa penyelia akan memerhatikan strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan.	3.750	0.822	Tinggi
B11. Memaklumkan kepada guru bahawa penyelia akan memerhatikan tindak balas guru terhadap tingkah laku pelajar sepanjang pengajaran dan pembelajaran.	3.630	0.945	Sederhana
B12. Memberitahu guru bahawa penyelia akan membuat pemerhatian terhadap kesimpulan yang dibuat olehnya sebelum menamatkan pengajaran.	3.680	0.880	Tinggi
B13. Meramalkan pelajar akan dapat menerangkan isi kandungan pelajaran yang telah disampaikan oleh guru.	3.290	0.929	Sederhana
B14. Meramalkan pelajar akan dapat memberi perkaitan isi pelajaran telah disampaikan oleh guru dengan pelajaran yang lepas.	3.310	0.836	Sederhana
B15. Meramalkan pelajar akan dapat memberikan contoh berkaitan perkara yang dipelajari.	3.420	0.875	Sederhana
B16. Meramalkan pelajar akan dapat menjawab soalan-soalan latihan yang diberikan oleh guru.	3.690	0.876	Tinggi
Peringkat konferensi sebelum penyeliaan secara keseluruhan item.	3.546	0.617	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.2 item pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian iaitu B1, B2, B3, B4, B10, B12, dan B16 B adalah pada tahap tinggi dengan skor min masing-masing 4.320, 4.360, 4.100, 3.750, 3.750, 3.680, dan 3.690. Skor min yang tertinggi adalah 4.360 iaitu skor min pada item B2 dengan kenyataan "memberitahu guru tarikh

dan masa penyeliaan". Sembilan item lagi pada peringkat ini iaitu B5, B6, B7, B8, B9, B11, B13, B14 dan B15 adalah pada tahap sederhana, skor min masing-masing adalah 3.440, 2.980, 2.850, 2.810, 3.370, 3.630, 3.290, 3.310, dan 3.420. Skor min terendah adalah 2.810 menunjukkan tahap sederhana ini iaitu pada item B8 dengan kenyataan "membincangkan penggunaan sumber pengajaran dan pembelajaran". Secara keseluruhannya tahap pelaksanaan proses di peringkat konferensi sebelum penyeliaan dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan adalah sederhana dengan skor min 3.546. Ini bermaksud tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan adalah sederhana.

4.3.2 Tahap Pelaksanaan Proses Penyeliaan Pengajaran Pada Peringkat Pemerhatian Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Dalam Kalangan Penyelia Pengajaran MRSM Zon Selatan

Jadual 4.3 menunjukkan skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat pemerhatian dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan.

Jadual 4.3 Skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat pemerhatian dalam kalangan penyelia pengajaran

Item	Skor min	Sisihan Lazim	Tahap Pelaksanaan
B17. Menilai set induksi pengajaran.	4.560	0.726	Tinggi
B18. Memerhatikan interaksi guru dengan pelajar.	4.610	0.644	Tinggi
B19. Memerhatikan interaksi pelajar dengan pelajar.	4.460	0.678	Tinggi
B20. Memerhatikan pengawalan disiplin pelajar oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran.	4.490	0.704	Tinggi
B21. Menilai strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru.	4.460	0.678	Tinggi

bersambung...

..sambungan

B22. Memastikan guru peka terhadap bilangan kehadiran pelajar dalam kelas.	4.580	0.622	Tinggi
B23. Memastikan guru memberi masa kepada pelajar untuk bersedia memulakan pembelajaran.	4.370	0.763	Tinggi
B24. Memastikan rumusan pengajaran dan pembelajaran yang dibuat oleh guru sebelum menamatkan pengajaran.	4.470	0.704	Tinggi
B25. Memerhatikan proses pengajaran dan pembelajaran dari awal hingga akhir.	4.490	0.704	Tinggi
B26. Mencatat rancangan pengajaran yang telah dilaksanakan oleh guru seperti yang dirancang.	4.360	0.804	Tinggi
B27. Mencatatkan tingkah laku guru yang positif.	4.240	0.897	Tinggi
B28. Mencatatkan jika ada tingkah laku guru yang negatif.	4.190	0.880	Tinggi
B29. Menggunakan borang pemerhatian pengajaran dan pembelajaran.	4.640	0.663	Tinggi
B30. Menghuraikan penyampaian isi kandungan pengajaran.	4.170	0.834	Tinggi
B31. Menghuraikan set induksi pengajaran.	4.000	0.891	Tinggi
B32. Menghuraikan rumusan pengajaran dan pembelajaran.	4.190	0.798	Tinggi
B33. Menghuraikan keseluruhan pengajaran dan pembelajaran.	4.240	0.878	Tinggi
Peringkat pemerhatian secara keseluruhan item.	4.382	0.598	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4.3 pada peringkat pemerhatian kesemua 17 item iaitu B17, B18, B19, B20, B21, B22, B23, B24, B25, B26, B27, B28, B29, B30, B31, B32 dan B33 adalah pada tahap tinggi dengan skor min masing-masing, 4.560, 4.610, 4.460, 4.490, 4.460, 4.580, 4.370, 4.470, 4.490, 4.360, 4.240, 4.190, 4.640, 4.170, 4.000, 4.190, dan 4.240. Skor min tertinggi adalah 4.640 iaitu pada item B29 dengan kenyataan “menggunakan borang pemerhatian pengajaran dan pembelajaran. Secara keseluruhannya tahap pelaksanaan proses di peringkat pemerhatian dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan adalah tinggi dengan skor min 4.382. Ini bermaksud tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan

Klinikal pada peringkat pemerhatian dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan adalah tinggi.

4.3.3 Tahap Pelaksanaan Proses Penyeliaan Pengajaran Pada Peringkat Analisis dan Strategi Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Dalam Kalangan Penyelia Pengajaran MRSM Zon Selatan

Jadual 4.4 menunjukkan skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat analisis dan strategi dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan.

Jadual 4.4 Skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat analisis dan strategi dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan

Item	Skor min	Sisihan Lazim	Tahap Pelaksanaan
B34. Menyenaraikan kekuatan guru dalam pengajaran dan pembelajaran hasil daripada pemerhatian ketika pengajaran guru dalam kelas.	4.420	0.675	Tinggi
B35. Menyenaraikan kelemahan guru semasa mengajar dalam kelas hasil daripada pemerhatian ketika pengajaran guru dalam kelas.	4.360	0.737	Tinggi
B36. Membuat carta alir urutan pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang.	2.880	1.068	Sederhana
B37. Menyenaraikan jika ada kesilapan-kesilapan guru semasa pengajaran dan pembelajaran.	4.200	0.846	Tinggi
B38. Mengutarakan beberapa cadangan untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran kepada guru yang diselia.	4.320	0.706	Tinggi
B39. Mendapatkan persetujuan bersama dengan guru yang diselia untuk membuat penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran guru berkenaan.	4.020	0.820	Tinggi

bersambung...

..sambungan

B40. Memberitahu guru jika terdapat kesilapan yang telah dilakukan olehnya semasa mengajar di dalam kelas dengan berhemah.	4.240	0.858	Tinggi
B41. Memberi pujian kepada tingkah laku guru yang positif.	4.490	0.653	Tinggi
B42. Menanyakan guru tentang tahap keyakinannya dalam menyampaikan isi pelajaran.	3.470	1.120	Sederhana
B43. Menanyakan guru masalah yang dihadapi dalam menyediakan bahan bantu mengajar.	3.510	1.089	Sederhana
B44. Mendapatkan maklum balas daripada guru mengenai masalah yang dihadapi dalam merancang rancangan pengajaran.	3.580	1.054	Sederhana
B45. Menanyakan guru tentang refleksi terhadap pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakannya.	3.920	0.952	Tinggi
Peringkat analisis dan strategi secara keseluruhan item.	3.950	0.619	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4.4 lapan item pada peringkat analisis dan strategi iaitu B34, B35, B37, B38, B39, B40, B41 dan B45 adalah pada tahap tinggi dengan skor min masing-masing 4.420, 4.360, 4.200, 4.320, 4.020, 4.240, 4.490 dan 3.920. Skor min tertinggi adalah 4.490 skor min iaitu pada item B41 dengan kenyataan "memberi pujian kepada tingkah laku guru yang positif". Empat item lagi pada peringkat ini iaitu B36, B42, B43 dan B44 adalah pada tahap sederhana skor min masing-masing adalah 2.880, 3.470, 3.510 dan 3.580. Skor min terendah adalah 2.880 pada tahap sederhana iaitu item B36 dengan kenyataan "membuat carta alir urutan pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang". Pada keseluruhannya pelaksanaan proses penyeliaan di peringkat analisis dan strategi dalam kalangan penyelia pengajaran MRSM Zon Selatan adalah tinggi dengan skor min 3.950. Ini bermaksud tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal pada peringkat analisis dan strategi peringkat konferensi dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan adalah tinggi.

4.3.4 Tahap Pelaksanaan Proses Penyeliaan Pengajaran Pada Peringkat Konferensi Selepas Penyeliaan Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinik Dalam Kalangan Penyelia Pengajaran MRSM Zon Selatan

Jadual 4.5 menunjukkan skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat konferensi selepas penyeliaan dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan.

Jadual 4.5 Skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat konferensi selepas penyeliaan dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM zon selatan

Item	Skor min	Sisihan Lazim	Tahap Pelaksanaan
B46. Mengadakan sesi maklum balas selepas penyeliaan pengajaran	4.320	0.776	Tinggi
B47. Berbincang dengan guru tentang perkara-perkara yang telah dicatatkan dalam borang penyeliaan	4.200	0.805	Tinggi
B48. Memberitahu kekuatan guru selepas penyeliaan pengajaran.	4.420	0.675	Tinggi
B49. Memberitahu kelemahan guru selepas penyeliaan pengajaran dengan berhemah.	4.370	0.717	Tinggi
B50. Memberi garis panduan kepada guru tentang cara-cara pengajaran yang baik untuk dilaksanakan bagi meningkatkan mutu pengajaran.	4.100	0.803	Tinggi
B51. Mencadangkan beberapa strategi pengajaran untuk digunakan sebagai alternatif mengikut kesesuaian objektif pengajaran.	4.030	0.830	Tinggi
B52. Memberi pujian dan galakan atas usaha yang telah ditunjukkan oleh guru.	4.360	0.737	Tinggi

bersambung...

..sambungan

B53. Mengambil perhatian masalah pengajaran guru selepas penyeliaan pengajaran.	4.150	0.805	Tinggi
B54. Membincangkan kekuatan yang ada pada guru untuk membantunya meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.	4.360	0.689	Tinggi
B55. Mengadakan perbincangan dengan kumpulan guru yang telah diselia untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.	2.850	1.271	Sederhana
B56. Menggalakkan guru membuat refleksi terhadap pengajaran dan pembelajaran.	4.150	0.827	Tinggi
B57. Mendapatkan persetujuan bersama dengan guru yang diselia untuk membuat penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran guru berkenaan.	4.020	0.861	Tinggi
Peringkat konferensi selepas penyeliaan secara keseluruhan item.	4.111	0.5809	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4.5 sebelas item pada peringkat konferensi selepas penyeliaan iaitu B46, B47, B48, B49, B50, B51, B52, B53, B54, B56 dan B57 adalah pada tahap tinggi dengan skor min masing-masing iaitu 4.320, 4.200, 4.420, 4.370, 4.100, 4.030, 4.360, 4.150, 4.360, 4.150 dan 4.020. Skor min tertinggi adalah 4.420 pada item B48 dengan kenyataan “memberitahu kekuatan guru selepas penyeliaan pengajaran”. Hanya satu item pada peringkat ini yang menunjukkan tahap sederhana iaitu B55 dengan skor min 2.850. Kenyataan pada item B55 adalah “mengadakan perbincangan dengan kumpulan guru yang telah diselia untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran”. Pada keseluruhannya pelaksanaan proses penyeliaan di peringkat konferensi selepas penyeliaan dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan adalah tinggi dengan skor min 4.111. Ini bermaksud tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal pada peringkat konferensi

selepas penyeliaan dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan adalah tinggi.

4.3.5 Tahap Pelaksanaan Proses Penyeliaan Pengajaran Pada Peringkat Analisis Selepas Konferensi Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Dalam Kalangan Penyelia Pengajaran

Jadual 4.6 menunjukkan skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat analisis selepas konferensi berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan.

Jadual 4.6 Skor min dan sisihan lazim bagi item-item pada peringkat analisis selepas konferensi berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan

Item	Skor min	Sisihan Lazim	Tahap Pelaksanaan
B58. Mencadangkan teknik-teknik pengajaran kepada guru-guru yang telah diselia sebagai alternatif untuk diguna dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan maklumat pemerhatian penyeliaan.	3.880	0.811	Tinggi
B59. Mencadangkan latihan dalam perkhidmatan mengenai pengajaran dan pembelajaran kepada guru yang telah dikenal pasti selepas penyelia pengajaran.	3.080	1.071	Sederhana
B60. Mencadangkan latihan dalam perkhidmatan mengenai penyeliaan pengajaran untuk penyelia berdasarkan maklum balas penyeliaan.	2.970	1.050	Sederhana
B61. Mencadangkan bahan bacaan ilmiah seperti buku, artikel, jurnal dan majalah untuk dibaca oleh semua guru.	3.050	0.936	Sederhana
Peringkat analisis selepas konferensi secara keseluruhan item.	3.240	0.619	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.6 terdapat empat item pada peringkat analisis selepas konferensi. Item B58 adalah merupakan skor min tertinggi dengan nilai skor min 3.880 menunjukkan pada tahap pelaksanaan adalah tinggi dengan kenyataan “mencadangkan teknik-teknik pengajaran kepada guru-guru yang telah diselia sebagai alternatif untuk diguna dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan maklumat pemerhatian penyeliaan”. Manakala item-item B59, B60 dan B61 dengan skor min masing-masing 3.080, 2.970 dan 3.050 adalah pada tahap sederhana. Skor min terendah adalah 2.970 iaitu pada tahap sederhana dengan kenyataan “mencadangkan latihan dalam perkhidmatan mengenai penyeliaan pengajaran untuk penyelia berdasarkan maklum balas penyeliaan”. Secara keseluruhan pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran pada peringkat analisis selepas konferensi adalah sederhana dengan skor min 3.240. Ini bermaksud tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan adalah sederhana.

4.4 DAPATAN KAJIAN PERSOALAN KEDUA

Apakah tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan MRSM Zon Selatan berdasarkan pengalaman mengajar ?

4.4.1 Tahap Pelaksanaan Penyeliaan Pengajaran Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Dalam Kalangan Pengetua MRSM Zon Selatan Mengikut Pengalaman Mengajar Di MRSM

Jadual 4.7 menunjukkan skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua mengikut pengalaman mengajar.

Jadual 4.7 Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua mengikut pengalaman mengajar

Pengalaman Mengajar	Peringkat Pelaksanaan Penyeliaan	Skor Min	Sisihan Lazim	Tahap Pelaksanaan
1 – 10 Tahun	Konferensi Sebelum Pemerhatian	3.718	0.220	Tinggi
	Pemerhatian	4.205	0.125	Tinggi
	Analisis dan Strategi	4.375	0.176	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	4.292	0.295	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	3.625	0.530	Sederhana
Lebih 10 tahun	Konferensi Sebelum Pemerhatian	3.625	0.403	Sederhana
	Pemerhatian	4.487	0.403	Tinggi
	Analisis dan Strategi	4.036	0.409	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	4.191	0.3959	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	3.571	0.760	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.7 pengetua yang mempunyai pengalaman satu hingga 10 tahun pelaksanaan proses penyeliaan adalah tinggi pada semua peringkat penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua mengikut pengalaman mengajar dengan skor min tertinggi 4.375 dan skor min terendah 3.625. Manakala pengetua yang mempunyai pengalaman melebihi sepuluh tahap proses penyeliaan adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan dengan skor min 4.487. Manakala tahap pelaksanaan proses penyeliaan adalah sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi. Skor min terendah adalah 3.571

4.4.2 Tahap Pelaksanaan Penyeliaan Pengajaran Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Dalam Kalangan Timbalan Pengetua MRSM Zon Selatan Mengikut Pengalaman Mengajar Di MRSM

Jadual 4.8 menunjukkan skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan timbalan pengetua berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 4.8 Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan timbalan pengetua berdasarkan pengalaman mengajar

Pengalaman Mengajar	Peringkat Pelaksanaan Penyeliaan	Skor Min	Sisihan Lazim	Tahap Pelaksanaan
1 – 10 Tahun	Konferensi Sebelum	3.984	0.870	Tinggi
	Pemerhatian			
	Pemerhatian	4.721	0.408	Tinggi
	Analisis dan Strategi	4.400	0.571	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	4.541	0.350	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	4.062	0.718	Tinggi
Lebih 10 Tahun	Konferensi Sebelum	3.562	0.729	Sederhana
	Pemerhatian			
	Pemerhatian	4.617	0.586	Tinggi
	Analisis dan Strategi	4.041	0.837	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	4.183	0.723	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	2.850	0.860	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.8 timbalan pengetua yang mempunyai pengalaman satu hingga sepuluh tahun pelaksanaan proses penyeliaan adalah tinggi pada semua peringkat penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal. Manakala

timbangan pengetua yang mempunyai pengalaman melebihi sepuluh tahun tahap proses penyeliaannya tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan, tahap proses penyeliaan sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi.

4.4.3 Tahap Pelaksanaan Penyeliaan Pengajaran Berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Dalam Kalangan Ketua Jabatan MRSM Zon Selatan Berdasarkan Pengalaman Mengajar Di MRSM

Jadual 4.9 menunjukkan skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan ketua jabatan berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 4.9 Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan ketua jabatan berdasarkan pengalaman mengajar

Pengalaman mengajar	Peringkat Pelaksanaan Penyeliaan	Skor Min	Sisihan Lazim	Tahap Pelaksanaan
1 – 10 Tahun	Konferensi Sebelum Pemerhatian	3.467	0.569	Sederhana
	Pemerhatian	4.249	0.550	Tinggi
	Analisis dan Strategi	3.765	0.651	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	3.996	0.632	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	3.193	0.663	Sederhana
Lebih 10 tahun	Konferensi Sebelum Pemerhatian	3.473	0.687	Sederhana
	Pemerhatian	4.302	0.788	Tinggi
	Analisis dan Strategi	3.946	0.440	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	4.054	0.545	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	3.160	0.711	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.9 ketua jabatan yang mempunyai pengalaman satu hingga sepuluh tahun tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Skor min tertinggi adalah 4.302 iaitu pada peringkat pemerhatian. Manakala tahap pelaksanaan proses penyeliaan adalah sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi. Skor min terendah 3.193 Tahap pelaksanaan proses penyeliaan ketua jabatan yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun adalah sama seperti ketua jabatan yang mempunyai pengalaman kurang sepuluh tahun iaitu tinggi pada peringkat pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran, pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan.

4.5 DAPATAN KAJIAN PERSOALAN KETIGA

Apakah tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia?

4.5.1 Tahap Pelaksanaan Penyeliaan Pengajaran Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Dalam Kalangan Pengetua MRSM Zon Selatan Mengikut Pengalaman Menyelia

Jadual 4.10 menunjukkan tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua MRSM Zon Selatan berdasarkan pengalaman menyelia.

Jadual 4.10 Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua di MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia

Pengalaman menyelia	Peringkat Pelaksanaan Penyeliaan	Skor Min	Sisihan Lazim	Tahap Pelaksanaan
1 – 5 Tahun	Konferensi Sebelum Pemerhatian	3.969	0.242	Tinggi
	Pemerhatian	4.677	0.392	Tinggi
	Analisis dan Strategi	4.375	0.387	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	4.479	0.239	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	3.937	0.427	Tinggi
Lebih 5 tahun	Konferensi Sebelum Pemerhatian	3.387	0.167	Sederhana
	Pemerhatian	4.223	0.280	Tinggi
	Analisis dan Strategi	3.900	0.418	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	4.000	0.301	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	3.300	0.758	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.10 pengetua yang mempunyai pengalaman menyelia satu hingga lima tahun tahap pelaksanaan proses penyeliaan adalah tinggi pada semua peringkat proses penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal. Manakala pengetua yang mempunyai pengalaman menyelia melebihi lima tahun tahap pelaksanaan adalah tinggi diperingkat pemerhatian, analisis dan strategi serta konferensi selepas penyeliaan. Tahap pelaksanaan penyeliaan mereka adalah sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi.

4.5.2 Tahap Pelaksanaan Penyeliaan Pengajaran Berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Dalam Kalangan Timbalan Pengetua MRSM Zon Selatan Berdasarkan Pengalaman Menyelia

Jadual 4.11 menunjukkan tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan timbalan pengetua MRSM Zon Selatan berdasarkan pengalaman menyelia.

Jadual 4.11 Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan timbalan pengetua MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia

Pengalaman menyelia	Peringkat Pelaksanaan Penyeliaan	Skor Min	Sisihan Lazim	Tahap Pelaksanaan
1 – 5 Tahun	Konferensi Sebelum Pemerhatian	3.421	0.890	Sederhana
	Pemerhatian	4.632	0.589	Tinggi
	Analisis dan Strategi	4.354	0.809	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	4.104	0.544	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	2.875	0.661	Sederhana
Lebih 5 Tahun	Konferensi Sebelum Pemerhatian	3.787	0.730	Tinggi
	Pemerhatian	4.652	0.535	Tinggi
	Analisis dan Strategi	4.058	0.777	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	4.358	0.694	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	3.325	1.080	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.11 timbalan pengetua yang mempunyai pengalaman menyelia satu hingga lima tahun adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi serta konferensi selepas penyeliaan. Manakala tahap sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas penyeliaan. timbalan pengetua yang

mempunyai pengalaman menyelia melebihi lima tahun tahap pelaksanaan penyeliaan adalah tinggi pada semua peringkat penyelia berpandu Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal kecuali adalah sederhana pada peringkat analisis selepas konferensi.

4.5.3 Tahap Pelaksanaan Penyeliaan Pengajaran Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Dalam Kalangan Ketua Jabatan MRSM Zon Selatan Mengikut Pengalaman Menyelia

Jadual 4.12 menunjukkan tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia.

Jadual 4.12 Skor min dan sisihan lazim pada peringkat-peringkat pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan ketua jabatan MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia

Pengalaman Menyelia	Peringkat Pelaksanaan Penyeliaan	Skor Min	Sisihan Lazim	Tahap Pelaksanaan
1 – 5 Tahun	Konferensi Sebelum Pemerhatian	3.449	0.604	Sederhana
	Pemerhatian	4.233	0.692	Tinggi
	Analisis dan Strategi	3.807	0.612	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	4.021	0.621	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	3.179	0.687	Sederhana
Lebih 5 tahun	Konferensi Sebelum Pemerhatian	3.539	0.665	Sederhana
	Pemerhatian	4.397	0.438	Tinggi
	Analisis dan Strategi	3.938	0.462	Tinggi
	Konferensi Selepas Penyeliaan	4.010	0.514	Tinggi
	Analisis Selepas Konferensi	3.1875	0.664	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.12 ketua jabatan yang mempunyai pengalaman menyelia satu hingga lima tahun tahap pelaksanaan proses penyeliaan berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan

strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Manakala tahap proses penyeliaan adalah sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi. Tahap pelaksanaan proses penyeliaan ketua jabatan yang mempunyai pengalaman menyelia melebihi lima tahun adalah sama seperti ketua jabatan yang mempunyai pengalaman menyelia satu hingga lima tahun.

4.6 DAPATAN KAJIAN PERSOALAN KEEMPAT

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam proses penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran mengikut pengalaman mengajar dan pengalaman menyelia?. Untuk mendapatkan jawapan persoalan ini pengujian hipotesis dibuat. Analisis ujian - t dijalankan untuk menentukan hipotesis yang dibina diterima atau ditolak.

4.6.1 Ho.1: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Dalam Proses Penyeliaan Pengajaran Berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Oleh Penyelia Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajardi MRSM

Hipotesis diuji dengan ujian t , Ujian Levene untuk kesetaraan varians menghasilkan $F=0.001$, $p=0.975$, maka kedua-dua varian boleh dianggap setara. Seterusnya ujian t dengan anggapan kesetaraan varian, maka dijalankan ujian untuk menguji perbezaan pelaksanaan penyeliaan berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal berdasarkan pengalaman mengajar, ($t = -0.439$, $p=0.662$ ($p>0.05$)). Ho.1 kajian diterima, bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran berdasarkan pengalaman mengajar seperti dalam Jadual 4.13

Jadual 4.13 Analisis Ujian t Perbezaan pelaksanaan penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran berdasarkan pengalaman mengajar di MRSM

Pengalaman mengajar di MRSM	N	Min	Sisihan Lazim	t	Signifikan 2 - hujung
1 - 10 tahun	14	3.898	0.552	-0.439	0.662
Lebih 10 tahun	45	3.967	0.499		

$p > 0.05$

4.6.2 Ho.2 : Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Dalam Pelaksanaan Penyeliaan Pengajaran Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Oleh Penyelia Pengajaran Mengikut Pengalaman Menyelia.

Hipotesis diuji dengan ujian t , Ujian Levene untuk kesetaraan varians menghasilkan $F = 0.000$, $p = 0.995$, maka kedua-dua varian boleh dianggap setara. Seterusnya ujian t dengan anggapan kesetaraan varian, maka dijalankan ujian untuk menguji perbezaan pelaksanaan penyeliaan berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal berdasarkan pengalaman menyelia, ($t = -0.715$, $p = 0.477$ ($p > 0.05$)). Ho. 2 kajian diterima, ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan penyeliaan pengajaran berpandukan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran berdasarkan pengalaman menyelia seperti dalam Jadual 4.14

Jadual 4.14 Analisis Ujian t perbezaan pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran mengikut pengalaman menyelia

Pengalaman menyelia	N	Min	Sisihan Lazim	t	Signifikan 2 - hujung
1 - 5 tahun	36	3.912	0.514	-0.715	0.477
Lebih 5 tahun	23	4.010	0.503		

$p > 0.05$

4.7 KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa tahap pelaksanaan proses penyeliaan berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan pada keseluruhannya adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi serta konferensi selepas penyeliaan. Manakala pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi adalah sederhana.

Tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman mengajar di MRSM adalah berbeza antara pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan. Tahap pelaksanaan penyeliaan pengetua yang berpengalaman mengajar di MRSM antara satu hingga sepuluh tahun adalah tinggi pada semua peringkat turutan penyeliaan kecuali tahap sederhana pada peringkat analisis selepas konferensi. Sementara pengetua yang berpengalaman mengajar di MRSM melebihi sepuluh tahun tahap pelaksanaan penyeliaan adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Manakala tahap penyeliaan adalah sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi (Jadual 4.7).

Tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran timbalan pengetua yang berpengalaman mengajar di MRSM antara satu hingga sepuluh tahun adalah tinggi pada semua peringkat penyeliaan. Manakala tahap penyeliaan pengajaran timbalan pengetua yang berpengalaman mengajar di MRSM melebihi sepuluh tahun adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Tahap pelaksanaan penyeliaan adalah sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi (Jadual 4.8) Tetapi tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran dalam kalangan ketua jabatan adalah sama pada semua peringkat penyelia walaupun pengalaman mengajar di MRSM adalah berbeza. Tahap pelaksanaan penyeliaan dalam kalangan ketua jabatan tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Manakala tahap pelaksanaan sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi. (Jadual 4.9)

Tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan mengikut pengalaman menyelia adalah berbeza antara kategori pengalaman menyelia dalam kalangan pengetua dan timbalan pengetua. (Jadual 4.10 dan Jadual 4.11) Manakala tahap penyeliaan pengajaran dalam kalangan ketua jabatan adalah sama bagi kedua-dua kategori pengalaman menyelia. (Jadual 4.12)

Hipotesis dibina dan diuji untuk mengetahui sama terdapat perbezaan yang signifikan dalam proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran mengikut pengalaman mengajar di MRSM dan pengalaman menyelia. Analisis ujian t, mendapati $H_0.1$ (Jadual 4.13) dan $H_0.2$ (Jadual 4.14) diterima, ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan penyeliaan berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran berdasarkan pengalaman mengajar dan pengalaman menyelia.

BAB V

PERBINCANGAN RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Penyeliaan pengajaran adalah merupakan salah satu cabang dalam kepimpinan pengajaran yang menjurus kepada membangun dan meningkatkan kurikulum dan pengajaran dalam pendidikan. Justeru itu satu sistem penyeliaan pengajaran yang sistematik dan komprehensif perlu di bangunkan supaya ia dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran seterusnya untuk meningkatkan bilangan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik. Golongan penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan-timbalan pengetua, ketua-ketua jabatan di Maktab Rendah Sains MARA adalah orang yang diberi tanggungjawab untuk menyelia pengajaran para guru di maktab masing-masing. Kesungguhan golongan ini dalam melaksanakan proses penyeliaan pengajaran yang sistematik dan komprehensif akan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran serta profesionalisme guru. Seterusnya amalan yang dilaksanakan dalam proses penyeliaan pengajaran yang sistematik ini akan dapat membantu dalam meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar.

5.2 RINGKASAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal berasaskan kepada Model Penyeliaan Klinikal oleh Goldhammer et al. (1980) sebagai kerangka konsep kajian. Model ini dipilih kerana ia mempunyai unsur-unsur membimbing,

kerjasama dua hala antara penyelia dengan guru, analisis, strategi dan motivasi yang berupaya bagi mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di Maktab Rendah Sains MARA Zon Selatan berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal. Penyeliaan pengajaran yang berkesan di setiap peringkat penyeliaan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal berupaya memantapkan lagi proses penyeliaan pengajaran MRSM secara amnya dan MRSM Zon Selatan khususnya, seterusnya meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji juga mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan dalam pelaksanaan proses penyeliaan berdasarkan faktor pengalaman mengajar di MRSM dan pengalaman menyelia.

Berasaskan kepada Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal daripada model yang dipilih penyelidik mengenal pasti tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan. Instrumen soal selidik digunakan untuk mendapat maklum balas daripada responden. Instrumen dibina sendiri oleh penyelidik berasaskan kerangka konsep kajian. Item-item dibina pada setiap turutan atau setiap peringkat berdasarkan konstruk-konstruk yang terdapat dalam setiap urutan untuk mengetahui tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan. Kajian rintis dijalankan untuk mendapat keesahan dan indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach. Hasil kajian rintis indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi item-item dalam Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal adalah di antara 0.8594 hingga 0.9297. Maka indeks kebolehpercayaan adalah tinggi dan boleh diterima pakai.

Pengumpulan data adalah secara pos. Sebanyak 70 set borang selidik yang dihantar ke sepuluh buah Maktab Rendah Sains MARA di Zon Selatan, sejumlah 63 set borang soal selidik (90.%) dikembalikan. Daripada jumlah yang dikembalikan itu empat set borang soal selidik tidak dijawab dengan lengkap menjadikan 59 set borang soal selidik (84.3%) yang dianalisis dalam kajian ini.

Dapatan daripada kajian ini dapat menggambarkan tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan oleh penyelia pengajar yang terdiri daripada pengetua, timbalan-timbalan pengetua dan ketua-ketua jabatan di MRSM Zon Selatan berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal. Dapatan daripada kajian ini juga dapat dijadikan maklum balas oleh pihak berwajib untuk mengambil langkah bertindak yang sewajarnya.

5.3 PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan kajian merujuk kepada persoalan kajian yang dibentuk serta berdasarkan pengumpulan dan penganalisan data daripada maklum balas yang diperoleh daripada responden yang terdiri daripada pengetua, timbalan-timbalan pengetua dan ketua-ketua jabatan di MRSM Zon Selatan.

5.3.1 Apakah Tahap Pelaksanaan Proses Penyeliaan Pengajaran Oleh Penyelia Pengajaran Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal; Konferensi Sebelum Pemerhatian, Pemerhatian, Analisis dan Strategi, Konferensi Penyeliaan dan Analisis Selepas Konferensi?

Bahagian ini mempunyai item-item untuk mendapat maklum balas responden mengenai tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran mengikut Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan. Dapatan kajian ini mendapati pada keseluruhannya tahap pelaksanaan di peringkat konferensi sebelum pemerhatian adalah sederhana. Tujuh daripada enam belas item pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian adalah tahap pelaksanaan tinggi. Manakala sembilan item lagi adalah pada tahap pelaksanaan sederhana. (Jadual 4.2) Pada peringkat ini elemen-elemen yang tersirat dalam item-item yang dibina ialah mewujudkan *rapport*, menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran, menentukan fokus pemerhatian dan meramalkan hasil pembelajaran. Elemen-elemen yang tersirat di dalam item-item disusun dalam tingkah laku yang bersesuaian untuk mendapatkan maklum balas daripada penyelia pengajaran mengenai perlakuan yang dilakukan pada peringkat konferensi sebelum

pemerhatian. Pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian ini keadaan yang selesa antara guru dengan penyelia pengajaran dapat diwujudkan melalui pertemuan dan perbincangan yang dibuat bagi mendapatkan persetujuan sewaktu peringkat pemerhatian nanti. Oleh yang demikian kefahaman mengenai perlakuan-perlakuan di peringkat ini perlu di pertingkatkan oleh penyelia pengajaran bagi memantapkan lagi peringkat konferensi sebelum pemerhatian.

Dapatan kajian pada peringkat pemerhatian pada keseluruhannya skor min adalah pada tahap tinggi. Kesemua tujuh belas item-item dalam peringkat ini skor min adalah pada tahap tinggi. Elemen-elemen yang tersirat dalam item-item yang dibina pada peringkat pemerhatian ialah memerhati pengajaran guru, membuat catatan dan membuat huraian. Daripada dapatan kajian ini menggambarkan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan telah melaksanakan perlakuan-perlakuan yang disarankan dalam item-item yang terdapat dalam peringkat pemerhatian ini dengan baik. Kefahaman dan amalan yang baik pada peringkat ini hendaklah diteruskan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam penyeliaan.

Seterusnya dapatan kajian pada peringkat analisis dan strategi pada keseluruhannya mendapati tahap pelaksanaan adalah tinggi, di mana lapan daripada 12 item adalah pada tahap pelaksanaan tinggi dan baki empat item lagi pada tahap pelaksanaan yang sederhana. Elemen-elemen yang tersirat dalam item di peringkat ini ialah mengkategorikan data, menentukan strategi konferensi selepas pemerhatian dan memikirkan soalan-soalan yang akan dikemukakan kepada guru yang diselia. Kemahiran menganalisis data dan memberikan makna daripada data yang diperolehi perlu ada pada diri seorang penyelia pengajaran, di samping mempunyai kebolehan berkeaktiviti. Kemahiran untuk menganalisis data dan mempunyai kreativiti akan menjadi suatu kelebihan dan kekuatan semasa sesi berbincangan pada peringkat konferensi selepas pemerhatian. Kefahaman yang betul pada peringkat ini oleh penyelia pengajaran akan memberi munafaat kepada guru yang diselia kerana komen-komen yang membina dan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru mengenai pengajaran dan pembelajaran dapat dibantu oleh penyelia pengajaran untuk mengatasinya. Oleh yang demikian penyelia

pengajaran hendak meningkatkan kemahiran menganalisis dan berkreaitiviti supaya dapat membantu guru yang diselia dengan lebih berkesan.

Dapatan kajian pada peringkat konferensi selepas pemerhatian mendapati pada keseluruhannya adalah pada tahap tinggi. Sebelas daripada dua belas item pada peringkat ini ialah tahap pelaksanaan tinggi dan satu item pada tahap pelaksanaan sederhana. Elemen yang tersirat dalam item-item pada peringkat ini ialah perbincangan berdasarkan data, kesimpulan daripada data dan maklum balas, dan strategi masa depan. Perbincangan yang dibuat pada peringkat ini adalah hasil daripada analisis data-data yang diperolehi ketika pemerhatian. Kefahaman mengenai peringkat ini oleh penyelia pengajaran akan mewujudkan perubahan-perubahan tingkah laku dalam pengajaran dan pembelajaran hasil penelitian yang buat berdasarkan data-data yang diperolehi. Perubahan pada tingkah laku guru tidak akan terhasil sekiranya sesi perbincangan yang dibuat pada peringkat ini tidak berkesan. Kebijaksanaan penyelia pengajaran mengendalikan sesi perbincangan adalah penting supaya tidak timbul kesan negatif.

Dapatan kajian mendapati pada keseluruhan peringkat analisis selepas konferensi adalah pada tahap pelaksanaan sederhana. Hanya satu sahaja item pada tahap tinggi, manakala tiga lagi item pada tahap sederhana. Elemen yang tersirat dalam item yang dibina ialah refleksi dan analisis selepas pemerhatian. Kekuatan pada peringkat ini melihat kembali apa yang berlakukan dan mengenal pasti sesuatu isu atau masalah kemudian menyusun tindakan untuk memperbaikinya. Peringkat ini tidak boleh dipandang sambil lewa kerana akan mengurangkan dan mengikis kecemerlangan yang dicapai. Pandangan jauh dan menyusun perancangan hasil maklum balas penyeliaan yang dilakukan berupaya meningkatkan apa yang ingin dicapai dalam matlamat pendidikan. Refleksi dan analisis selepas pemerhatian boleh dijadikan asas dalam merancang dan membina program pembangunan staf. Justeru itu kesedaran tentangan pentingnya peringkat ini dalam mengatur perancangan dan membangunkan kurikulum perlu disebarkan dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSZ Zon Selatan.

5.3.2 Apakah Tahap Pelaksanaan Penyeliaan Pengajaran Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Dalam Kalangan Pengetua, Timbalan Pengetua dan Ketua Jabatan MRSM Zon Selatan Mengikut Pengalaman Mengajar Di MRSM?

Kajian ini mendapati tahap pelaksanaan penyeliaan dalam kalangan pengetua yang mempunyai pengalaman mengajar di MRSM satu hingga sepuluh tahun adalah tinggi pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian, pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Tahap sederhana pada peringkat analisis selepas konferensi. Manakala dalam kalangan pengetua yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun di MRSM tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran adalah tinggi diperingkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Sementara pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi adalah tahap sederhana. (Jadual 4.7)

Kajian mendapati tahap pelaksanaan penyeliaan dalam kalangan timbalan pengetua yang mempunyai pengalaman mengajar di MRSM satu hingga sepuluh tahun adalah tinggi pada semua peringkat penyeliaan klinikal. Manakala dalam kalangan timbalan pengetua yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun di MRSM tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran adalah tinggi diperingkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Sementara pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi adalah tahap sederhana. Fenomena ini sama seperti dalam kalangan pengetua yang mempunyai pengalaman mengajar di MRSM melebihi sepuluh tahun. (Jadual 4.8)

Kajian mendapati tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran ketua jabatan yang mempunyai pengalaman mengajar di MRSM antara satu hingga sepuluh tahun adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Manakala pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi adalah pada tahap sederhana. Fenomena yang sama juga pada ketua jabatan yang mempunyai pengalaman melebihi sepuluh iaitu tinggi pada peringkat

pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Manakala pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi adalah pada tahap sederhana.

Dapatan kajian daripada persoalan yang kedua ini menggambarkan fenomena tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran dalam kalangan pengetua dan timbalan pengetua adalah sama mengikut pengalaman mengajar di MRSM. Sementara tahap penyeliaan pengajaran dalam kalangan ketua jabatan yang mempunyai pengalaman satu hingga sepuluh tahun dengan ketua jabatan yang mempunyai pengalaman melebihi sepuluh tahun adalah sama fenomenanya. Fenomena begini berlaku mungkin disebabkan oleh kelompok-kelompok tersebut pengetahuan yang hampir sama, walaupun berbeza kategori pengalaman mengajar di MRSM. Kajian lanjut boleh dibuat untuk mengenal pasti faktor sebenar yang berlaku.

5.3.3 Apakah Tahap Pelaksanaan Penyeliaan Pengajaran Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Dalam Kalangan Pengetua, Timbalan Pengetua dan Ketua Jabatan MRSM Zon Selatan Mengikut Pengalaman Menyelia?

Kajian ini mendapati, tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua yang mempunyai pengalaman menyelia satu hingga lima adalah tinggi pada semua peringkat penyeliaan berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal. Tahap pelaksanaan penyeliaan dalam kalangan pengetua yang mempunyai pengalaman menyelia melebihi lima tahun adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Sementara pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi adalah tahap sederhana. (Jadual 4.10)

Dapatan kajian mendapati tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan timbalan pengetua yang mempunyai pengalaman menyelia satu hingga lima adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis

dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Manakala pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi adalah pada tahap sederhana. Timbalan pengetua yang mempunyai pengalaman menyelia melebihi lima tahun tahap pelaksanaan penyeliaan adalah tinggi pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian, pemerhatian, analisis dan strategi, konferensi selepas penyeliaan. Sementara peringkat analisis selepas konferensi adalah pada tahap sederhana. (Jadual 4.11)

Kajian ini mendapati, tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan ketua jabatan yang mempunyai pengalaman penyeliaan satu hingga lima dan pengalaman menyelia melebihi lima tahun adalah sama. Iaitu tahap pelaksanaan tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan, manakala pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi adalah sederhana.

Keseluruhan kajian ini mendapati tahap pelaksanaan penyelia berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal mengikut pengalaman menyelia adalah berbeza di antara kategori pengalaman menyelia dengan golongan penyelia pengajaran. Oleh yang demikian perbezaan begini perlu diselaraskan supaya golongan penyelia ini dapat menjalankan tanggungjawab yang berkesan di maktab masing-masing.

5.3.4 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Dalam Proses Penyeliaan Pengajaran Berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal Oleh Penyelia Pengajaran Mengikut Pengalaman Mengajar Di MRSM dan Pengalaman Menyelia?

Kajian ini mendapati, daripada hipotesis yang diuji, $H_{0.1}$ dan $H_{0.2}$ diterima, ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran mengikut pengalaman mengajar di MRSM dan pengalaman menyelia. Hasil daripada ujian hipotesis menyatakan bahawa pengalaman mengajar di MRSM dan pengalaman menyelia pada seorang penyelia pengajaran tidak memberi perbezaan kepada proses

penyeliaan. Oleh yang demikian faktor pengalaman mengajar di MRSM dan pengalaman menyelia bukanlah suatu faktor penting dalam membezakan proses penyeliaan. Mungkin kajian seterusnya boleh dilakukan untuk mengetahui faktor-faktor yang boleh mempengaruhi proses penyelia.

5.4 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan dan perbincangan di atas kajian ini menyimpulkan bahawa,

- i. Tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan dalam penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di MRSM Zon Selatan adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Manakala tahap pelaksanaan proses penyeliaan pengajaran adalah sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi. (Jadual 4.2, Jadual 4.3, Jadual 4.4, Jadual 4.6 dan Jadual 4.6.)
- ii. Tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua yang berpengalaman mengajar di MRSM satu hingga sepuluh tahun adalah tinggi pada semua peringkat penyeliaan kecuali sederhana pada peringkat analisis selepas konferensi. Timbalan pengetua yang berpengalaman mengajar di MRSM satu hingga sepuluh tahun adalah tahap pelaksanaan tinggi pada semua peringkat penyeliaan. Manakala pengetua dan timbalan pengetua yang berpengalaman mengajar di MRSM melebihi sepuluh tahun tahap pelaksanaan penyeliaan adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan analisis selepas konferensi. (Jadual 4.7 dan Jadual 4.8) Sementara dalam kalangan ketua jabatan tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran adalah sama pada kedua-dua kategori pengalaman mengajar di MRSM iaitu tahap tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi dan konferensi selepas penyeliaan, manakala tahap sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi. (Jadual 4.9)
- iii. Tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di MRSM

Zon Selatan mengikut pengalaman penyeliaan adalah berbeza. Pengetua yang pengalaman menyelia kurang lima tahun tahap pelaksanaan penyeliaan adalah tinggi pada semua peringkat turutan penyeliaan. Sementara pengetua yang pengalaman melebihi lima tahun tahap pelaksanaan penyeliaan adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi, dan konferensi selepas penyeliaan. Manakala tahap penyeliaan sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi. (Jadual 4.10) Tahap pelaksanaan penyeliaan dalam kalangan timbalan pengetua yang pengalaman menyelia antara satu hingga lima adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi dan konferensi selepas penyeliaan, tahap penyeliaan sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi. Timbalan pengetua yang pangalaman lebih lima tahun tahap penyeliaan adalah tinggi pada peringkat konferensi sebelum perhatian, pemerhatian, analisis dan strategi dan konferensi selepas penyeliaan. Tahap pelaksanaan penyeliaan sederhana pada peringkat analisis selepas konferensi. (Jadual 4.11) Dalam kalangan ketua jabatan tahap penyeliaan adalah sama pada setiap peringkat penyeliaan walaupun kategori pengalaman menyelia berbeza iaitu tahap tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi dan konferensi selepas penyeliaan, sementara tahap penyelia sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi. (Jadual 4.12)

- iv. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam dalam proses penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal oleh penyelia pengajaran mengikut pengalaman mengajar di MRSM dan pengalaman menyelia. Oleh yang demikian pengalaman mengajar di MRSM dan pengalaman menyelia dalam kalangan penyelia pengajaran tidak membezakan dalam pelaksanaan proses penyeliaan.

5.5 CADANGAN

Matlamat pelaksanaan penyeliaan klinikal adalah untuk membimbing guru dalam menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran secara demokratik.

Apabila masalah dalam pengajaran dan pembelajaran dapat diselesaikan, melalui bimbingan akan menjadikan guru lebih mahir, cekap dan sensitif terhadap tugas mereka. Seterusnya mutu pengajaran dan pembelajaran akan meningkat dan diikuti dengan kecemerlangan pelajar. Berdasarkan kepada dapatan kajian, pengkaji mencadangkan,

- i. Pihak Bahagian Pendidikan Latihan dan Menengah MARA mengambil inisiatif untuk melihat semula elemen-elemen yang terdapat dalam peringkat-peringkat pelaksanaan penyelia pengajaran di MRSM dan menggunakan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal bagi memantap lagi penyeliaan di MRSM. Tambahan pula penempatan guru-guru baru tanpa latihan iktisas dalam pendidikan memerlukan bimbingan dan sokongan daripada penyelia pengajaran. Kajian ini mendapati tahap pelaksanaan penyeliaan berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan adalah sederhana pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi. Walaupun pada tiga peringkat dalam penyeliaan klinikal lagi adalah tinggi, namun elemen-elemen mewujudkan *rapport*, menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran, menentukan fokus pemerhatian, meramalkan hasil pembelajaran dan membuat analisis serta refleksi yang tersirat pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis selepas konferensi perlu dipertimbangan untuk memantapkan lagi pelaksanaan penyeliaan pengajaran dalam kalangan penyelia pengajaran.
- ii. Pihak Unit Naziran dan Kualiti Pendidikan MARA (UNQ) supaya menerapkan konsep penyeliaan klinikal dalam kalangan para pegawai bersesuaian dengan pendekatan tidak mencari kesalahan semasa menjalankan penaziran sebaliknya membimbing untuk memberi penambahbaikan. Apabila konsep ini digunakan oleh UNQ dan ia diamalkan pula di MRSM maka tidak akan berlaku pertembungan konsep yang berbeza dalam melaksanakan tugas pemantauan di MRSM.

- iii. Pihak penyelia pengajaran di Maktab Rendah Sains MARA perlu meningkatkan kefahaman dan kemahiran di setiap peringkat penyeliaan kerana ia berkait rapat antara satu peringkat dengan peringkat yang lain. Kesedaran tanggungjawab melaksanakan penyeliaan pengajaran adalah perlu bagi membangunkan profesionalisme perguruan dan peningkatan dalam kecemerlangan akademik pelajar.
- iv. Pihak Institut Latihan Kakitangan MARA diharap dapat menawarkan kursus-kursus/bengkel yang perlukan bagi meningkatkan kekompetenan para guru di Institusi pendidikan MARA (IPMa).

5.6 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini memberi fokus tahap penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran di MRSM Zon Selatan. Responden kajian ini adalah penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di Maktab Rendah Sains MARA Zon Selatan. Oleh itu, adalah dicadangkan kepada penyelidik seterusnya agar mengembangkan lagi kajian kepada sampel yang lebih besar dan lebih luas yang melibatkan Maktab Rendah Sains MARA di seluruh Malaysia. Sampel yang diambil bukan sahaja dalam kalangan pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan malah melibatkan guru cemerlang dan guru kanan mata pelajaran. Persampel yang besar dari setiap kumpulan membolehkan penyelidik membuat perbandingan dalam kumpulan dan antara kumpulan. Persampelan yang menyeluruh juga akan dapat memberi gambaran secara keseluruhan mengenai penyeliaan pengajaran di MRSM.

Disamping itu, mungkin juga penyelidik seterusnya boleh mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penyeliaan penyeliaan pengajaran di Maktab Rendah Sains MARA. Pertambahan input dan maklum balas daripada penyelidikan yang dijalankan akan memberi kesan positif kepada perkembangan kurikulum di MRSM.

5.7 PENUTUP

Keputusan kajian ini memperlihatkan tahap pelaksanaan penyeliaan pengajaran berdasarkan Lima Peringkat Penyeliaan Klinikal dalam kalangan penyelia pengajaran yang terdiri daripada pengetua, timbalan pengetua dan ketua jabatan di MRSM Zon Selatan adalah tinggi pada peringkat pemerhatian, analisis dan strategi serta konferensi selepas penyeliaan. Tahap pelaksanaan penyeliaan sederhana adalah pada peringkat konferensi sebelum pemerhatian dan analisis koferensi. Justeru pihak yang terlibat dalam penyeliaan pengajaran perlu memahami keperluan dan kepentingan penyeliaan pengajaran agar dapat memantapkan lagi pelaksanaan penyeliaan pengajaran di maktab masing-masing.

Hak Milik MARA

RUJUKAN

- Ahmad Mahdzan Ayob. 2005. *Kaedah penyelidikan sosioekonomi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Tajuddin Abdul Hamid. 1989. Peranan pengetua dalam kepimpinan pengajaran. *Kertas Projek Jabatan Pendidikan Universiti Malaya*.
- Alfonso, R.J., Firth, G.R. and Neville, R.F. 1981. *Instructional supervision behaviour system*. Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Alias Baba. 1992. *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amin Mohd Rashid. 1990. Masalah-masalah pengajaran pendidikan Islam (KBSR). *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 1986. *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Campbell, R.F., Bridges, E.M. and Nystrand, R.O. 1977. *Introduction to education administration*. Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah penyelidikan*. McGraw Hill.
- Darling-Hammond, L. 2006. *Powerful teacher education. Lesson from exemplary programs*. San Francisco. Jossey Bass Education Series. hlm. 41.
- Fatanah Mohamed. 2006. Pengetua dan pengurusan pembangunan murid. Dlm. Rahimah Ahmad et. al. *Pengetua dan pengurusan pembangunan murid*. Institut Pengajian Kependidikan. Universiti Malaya.
- Foo Say Fook dan Tang Keow Ngang. 2000. Kepemimpinan pengajaran pengetua/guru besar dan kepuasan guru. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Institut Aminuddin Baki*. Jilid 10, Bil.02 Disember 2000
- Glickman, C.D. 1985. *Supervision of instruction: A developmental approach*. Georgia: Allyn & Bacon.
- Glickman, C.D. 1990. *Supervision of instruction: A developmental approach*. Edisi Ke 2. Georgia: Allyn & Bacon.

- Goldhammer, R., Anderson, R.H., & Krajewski, R.J. 1980. *Clinical supervision : special methods for the supervision of teachers*. 2nd Edition. New York: Holt, Rinehart and Winston
- Hanidah Hashim. 2007. Penyelidikan pengajaran dan motivasi kerja guru satu kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan daerah Kluang, Johor. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Husen, T. & Postlethelwaite, T.N. 1985. *International encyclopedia of education*. Oxford: Pergamon Press.
- Hussein Mahmood. 1997. *Kepimpinan dan keberkesanan sekolah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mamat. 1993. *Kepemimpinan sekolah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ishak bin Sin. 2003. Gaya kepemimpinan transformasi dan pengajaran: gaya manakah yang diperlukan oleh pengetua? *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Institut Aminuddin Baki*. Jilid 13, Bil. 02 Disember 2003
- Jamil bin Ahmad. 2002. Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah : satu penilaian. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jemaah Nazir Persekutuan. Kementerian Pendidikan Malaysia. 1993. *Buku panduan pengurusan profesional sekolah menengah*. Bil. 11: Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Jones, J. 2005. *Management skills*. London: Paul Chalman Publishing.
- Kamus Dewan. 1994. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kamus Oxford Advanced Learner's. 1996. Oxford University Press.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2001. *Kepemimpinan dan pengurusan kurikulum di sekolah*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kerlinger, F.N. 1986. *Foundation of behavior research*. New York: Rine and Winstons Inc.
- Leithwood dan Montgomery. 1982. The role of the elementary school principal in program improvement. (1982) *Review of Educational Research*, 52 (3).
- Lipham, J.W. and Hoeh, J.A. 1974. *Principalship, foundation and function*. New York: Harper & Row Publisher.

- Longenecker, J. G. and Pringle, C.D. 1981. *Management*. Columbus: Charles E. Merrill Publishing Company.
- Lovell, J.T. & Wiles, K. 1983. *Supervision for better schools*. Prentice Hall Inc. Englewood Cliffs. New Jersey.
- Manukaran A/L Gopal. 2003. Persepsi guru tentang peranan pengetua sebagai penyelia pengajaran: Satu kajian di Teluk Intan Perak. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Universiti Malaya.
- Miskel, C. 1991. Structure observation of administration behaviour: Implications for principal leadership and development. *Singapore: Journal of Education*. 11(12). 1-11.
- Mohd Amin Sulaiman. 2002. Persepsi guru dan pengetua tentang peranan unggul dan sebenar dalam penyeliaan pengajaran di SMK daerah Kuala Langat dan Sepang. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Majid Konting. 1998. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Monroe, P. 1968. *A cyclopedia of education*. New York: The Macmillan Company.
- Musa Sulaiman dan Amidin Zain. 2006. Kepengetuaan: Cabaran dan penentu hala tuju dalam bingkai pendidikan: Satu pandangan. *Jurnal Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan*. Institut Aminuddin Baki. Jilid 10, Bil. 02, Disember 2006.
- Newell, C.A.A. 1978. *Human behavior in educational administration*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Nik Anuay Abdullah. 2000. Tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran oleh Jemaah Nazir: Satu kajian kes di Sekolah Menengah Victoria Kuala Lumpur. *Tesis Sarjana Pendidikan*. Universiti Malaya.
- Pee Ying Shya. 2001. Persepsi guru terhadap kepentingan penyeliaan pengajaran dalam perkembangan profesionalisme guru. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ramaiah, Al. 1995. Penyeliaan – satu bebanan atau kemudahan. *Jurnal Pendidikan* 62(24) 71-78.
- Robbins, P. & Alvy, H.B. 1995. *The principals companion*. CA: Sage Publication.

- Robiah Sidin. 2002. *Konsep Guru Profesional*. Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozilah Mohamed Yatim. 2006. Penyeliaan pengajaran di sekolah menengah gred A daerah Tangkak. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saadah Mat Noor. 1988. Persepsi guru-guru bahasa Melayu terhadap perkaedahan bahasa Melayu peringkat KBSR. Satu kajian kes di Temerloh, Pahang. *Latihan ilmiah Sarjana muda Sains Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sergiovanni, T.J. and Starrat, R.J. 1988. *Supervision; Human perspectives*. 4th edition. New York MacGraw Hill.
- Sergiovanni, T.J. 1995. *The principalship: A reflective practice perspective*. Boston: Allyn and Bacon.
- Sergit Singh s/o Gur Baksh Singhh. 1974. Leadership role in education of Federal Inspector of School as perceived inspectors themselves teachers in selected primary and secondary schools in Negeri Sembilan. *Tesis Sarjana Pendidikan*, Universiti Malaya.
- Shahril @ Charil Marzuki. 2000. Ciri-ciri kepemimpinan pengetua/guru besar berkesan yang dapat mengahadapi cabaran dan harapan pada abad ke 21. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Institut Aminuddin Baki*. Jilid 10 Bil. 02. Disember 2000.
- Sharifah Mohd Nor & Azizah Abdul Rahman. 1988. Penyeliaan pengajaran sebagai satu ciri kepemimpinan professional. *Jurnal Pendidikan*. 33. 20-29.
- Sheela Devi a/p Sankaran. 2002. Kajian terhadap amalan penyeliaan pengajaran di sekolah menengah gred A daerah Tampin: persepsi pengetua dan guru. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sidi Ghazalba. 1981. *Pembimbing latihan ilmiah dan tesis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Siti Noorma Mohamed. 1999. Persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran pengetua: satu kajian tinjauan di daerah Besut, Terengganu. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stettner, M. 2003. *The new manager's handbook*. New York: McGraw-Hill.

Surat Pekeliling Am MARA BIL. 7/2004, 13 Disember 2004.

Surat Pekeliling Ikhtisas, Bil.3/1987 bertajuk Penyeliaan Pengajaran-pembelajaran Di Dalam Kelas Oleh Pengetua/Guru Besar, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur

Tapaneeyangkul, S. 1983. An analysis of the role of secondary school supervisors in Bangkok Thailand. *Tesis Doktor Falsafah Pendidikan* Layola Universiti of Chicago.

Wan Mohd Zahid Wan Mohd Noordin. 1987. Ke arah pengurusan dan penyeliaan bolik darjah. *Kertas Kerja Persidangan Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah Ke 5*. Kota Bharu Kelantan.

Warnoh Katiman. 1992. Peranan dan tanggungjawab PPD dalam bidang profesionalisme perguruan untuk meningkatkan mutu pendidikan. *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainuddin Muhammad. 1998. Persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran di sebuah sekolah di Kelantan. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Universiti Malaya.

Hak Milik MARA

LAMPIRAN A

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**

Tuan/Puan,

**KAJI SELIDIK MENGENAI PENYELIAAN PENGAJARAN BAGI
MEMPERTINGKATKAN PROFESIONALISME PERGURUAN**

Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya merupakan pelajar program Sarjana Pentadbiran Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Saya sedang menjalankan kaji selidik yang bertajuk **Penyeliaan Pengajaran Bagi Mempertingkatkan Profesionalisme Perguruan di Maktab Rendah Sains MARA Zon Selatan**. Satu set borang soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat mengenai penyeliaan pengajaran.

2. Sehubungan dengan perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan telah dipilih untuk menjadi salah seorang daripada responden bagi tujuan kaji selidik yang tersebut di atas.
3. Adalah diharapkan agar tuan/puan dapat memberikan maklum balas kepada soalan-soalan yang dikemukakan secara jujur dan ikhlas. Segala maklum balas yang diperolehi hanya akan digunakan untuk kaji selidik ini.
4. Mudah-mudahan dengan kerjasama yang tuan/puan berikan, kaji selidik ini dapat disempurnakan demi kepentingan ilmu dan profesionalisme keguruan.

Segala kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


MOHD NASIR BIN KASSIM (P39026)
No. 5-3-4, Apartment Intana Rial,
Jalan 7/1E, Seksyen 7,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

SOAL SELIDIK PENYELIAAN PENGAJARAN

BAHAGIAN A : Demografi

Sila isi dan tandakan dengan (X) dalam kotak-kotak yang disediakan untuk pernyataan yang dipilih.

1. MRSM

2. Jantina : Lelaki ☐ Perempuan ☐

3. Jawatan : Pengetua ☐
 Timbalan Pengetua i) HEA ☐
 ii) HEP ☐
 Ketua Jabatan i) Bahasa ☐
 ii) Sains ☐
 iii) Matematik ☐
 iv) Pengajian Am / ☐
 Sains Sosial ☐

4. Umur :
 kurang dan 30 tahun ☐ 46 -50 tahun ☐
 31 - 35 tahun ☐ 51-55 tahun ☐
 36 - 40 tahun ☐ 56 tahun dan lebih ☐
 41 - 45 tahun ☐

5. Pengalaman mengajar di MRSM :
 1- 5 tahun ☐ 6- 10 tahun ☐ 11- 15 tahun ☐
 16 - 20 tahun ☐ 21 - 25 tahun ☐ melebihi 26 tahun ☐

6. Pengalaman menyelia pengajaran guru di MRSM :
- Kurang dari 1 tahun ☐ 1- 5 tahun ☐ 6 - 10 tahun ☐
- 11-15 tahun ☐ 16 - 20 tahun ☐ 21 tahun dan lebih ☐
7. Berapa kalikah anda telah membuat penyeliaan pengajaran sepanjang tahun?
- i) 2007 kali
- ii) Januari hingga Ogos 2008 kali

BAHAGIAN B

Bahagian ini adalah urutan-urutan penyeliaan klinikal.
Sila bulatkan mana-mana jawapan yang sesuai bagi setiap kenyataan yang berikut mengikut pilihan anda.

1. Tidak Pernah (TP)
2. Kadang-kadang (KK)
3. Agak Kerap (AK)
4. Kerap (K)
5. Sangat Kerap (SK)

I. Konferensi sebelum penyeliaan

Bil	Kenyataan	TP	K K	AK	K	SK
1.	Merancang tarikh dan masa penyeliaan untuk guru.	1	2	3	4	5
2.	Memberitahu guru tarikh dan masa penyeliaan.	1	2	3	4	5
3.	Memberitahu guru jangka masa bagi penyeliaan yang akan dilakukan.(contoh; satu <i>period</i> atau dua <i>period</i>)	1	2	3	4	5
4.	Berjumpa dengan guru yang akan diselia dan bertegur-sapa sebelum perbincangan mengenai pengajaran dan pembelajaran yang akan diselia.	1	2	3	4	5
5.	Membincangkan objektif pengajaran dan pembelajaran	1	2	3	4	5
6.	Membincangkan isi kandungan pelajaran yang akan disampaikan oleh mereka.	1	2	3	4	5
7.	Menbincangkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang akan digunakan oleh guru.	1	2	3	4	5
8.	Membincangkan penggunaan sumber pengajaran dan	1	2	3	4	5

	pembelajaran.	TP	K K	AK	K	SK
9.	Memaklumkan kepada guru bahawa penyelia akan menilai set induksi pengajaran.	1	2	3	4	5
10.	Memaklumkan kepada guru bahawa penyelia akan memerhatikan strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan.	1	2	3	4	5
11.	Memaklumkan kepada guru bahawa penyelia akan memerhatikan tindak balas guru terhadap tingkah laku pelajar sepanjang pengajaran dan pembelajaran.	1	2	3	4	5
12.	Memberitahu guru bahawa penyelia akan membuat pemerhatian terhadap kesimpulan yang dibuat olehnya sebelum menamatkan pengajaran	1	2	3	4	5
13.	Pelajar akan dapat menerangkan isi kandungan pelajaran yang telah disampaikan oleh guru.	1	2	3	4	5
14.	Pelajar akan dapat memberi perkaitan isi pelajaran telah disampaikan oleh guru dengan pelajaran yang lepas.	1	2	3	4	5
15.	Pelajar akan dapat memberikan contoh berkaitan perkara yang dipelajari.	1	2	3	4	5
16.	Pelajar akan dapat menjawab soalan-soalan latihan yang diberikan oleh guru.	1	2	3	4	5

II. *Pemerhatian (Penyeliaan Dalam Bilik Darjah)*

Bil.	Kenyataan	TP	KK	AK	K	SK
17.	Menilai set induksi pengajaran.	1	2	3	4	5
18.	Memerhatikan interaksi guru dengan pelajar.	1	2	3	4	5
19.	Memerhatikan interaksi pelajar dengan pelajar.	1	2	3	4	5
20.	Memerhatikan pengawalan disiplin pelajar oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran.	1	2	3	4	5
21.	Menilai strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru.	1	2	3	4	5
22.	Memastikan guru peka terhadap bilangan kehadiran pelajar dalam kelas.	1	2	3	4	5
23.	Memastikan guru memberi masa kepada pelajar untuk bersedia memulakan pembelajaran.	1	2	3	4	5
24.	Memastikan rumusan pengajaran dan pembelajaran yang dibuat oleh guru sebelum menamatkan pengajaran.	1	2	3	4	5
25.	Memerhatikan proses pengajaran dan pembelajaran dari awal hingga akhir.	1	2	3	4	5
26.	Mencatat rancangan pengajaran yang telah dilaksanakan oleh guru seperti yang dirancang.	1	2	3	4	5
27.	Mencatatkan tingkah laku guru yang positif.	1	2	3	4	5
28.	Mencatatkan jika ada tingkah laku guru yang negatif.	1	2	3	4	5
29.	Menggunakan borang pemerhatian pengajaran dan	1	2	3	4	5

	pembelajaran.					
Bil.	Kenyataan	TP	KK	AK	K	SK
30.	Menghuraikan penyampaian isi kandungan pengajaran.	1	2	3	4	5
31.	Menghuraikan set induksi pengajaran.	1	2	3	4	5
32.	Menghuraikan rumusan pengajaran dan pembelajaran.	1	2	3	4	5
33.	Menghuraikan keseluruhan pengajaran dan pembelajaran.	1	2	3	4	5

III. Analisis dan Strategi

Bil.	Kenyataan	TP	KK	AK	K	SK
34.	Menyenaraikan kekuatan guru dalam pengajaran dan pembelajaran hasil daripada pemerhatian ketika pengajaran guru dalam kelas.	1	2	3	4	5
35.	Menyenaraikan kelemahan guru semasa mengajar dalam kelas hasil daripada pemerhatian ketika pengajaran guru dalam kelas.	1	2	3	4	5
36.	Membuat carta alir urutan pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang.	1	2	3	4	5
37.	Menyenaraikan jika ada kesilapan-kesilapan guru semasa pengajaran dan pembelajaran.	1	2	3	4	5
38.	Mengutarakan beberapa cadangan untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran kepada guru yang diselia.	1	2	3	4	5
39.	Mendapatkan persetujuan bersama dengan guru yang diselia untuk membuat penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran guru berkenaan.	1	2	3	4	5
40.	Memberitahu guru jika terdapat kesilapan yang telah dilakukan olehnya semasa mengajar di dalam kelas dengan berhemah.	1	2	3	4	5
41.	Memberi pujian kepada tingkah laku guru yang positif.	1	2	3	4	5
42.	Menanyakan guru tentang tahap keyakinannya dalam menyampaikan isi pelajaran.	1	2	3	4	5
43.	Menanyakan guru masalah yang dihadapi dalam menyediakan bahan bantu mengajar.	1	2	3	4	5
44.	Mendapatkan maklum balas daripada guru mengenai masalah yang dihadapi dalam merancang rancangan pengajaran.	1	2	3	4	5
45.	Menanyakan guru tentang refleksi terhadap pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakannya.	1	2	3	4	5

IV. Konferansi Selepas Penyeliaan

Bil.	Kenyataan	TP	KK	AK	K	SK
46.	Mengadakan sesi maklum balas selepas penyeliaan pengajaran	1	2	3	4	5
47.	Berbincang dengan guru tentang perkara-perkara yang telah dicatatkan dalam borang penyeliaan	1	2	3	4	5

48.	Memberitahu kekuatan guru selepas penyeliaan pengajaran.	1	2	3	4	5
Bil.	Kenyataan	TP	KK	AK	K	SK
49.	Memberitahu kelemahan guru selepas penyeliaan pengajaran dengan berhemah.	1	2	3	4	5
50.	Memberi garis panduan kepada guru tentang cara-cara pengajaran yang baik untuk dilaksanakan bagi meningkatkan mutu pengajaran.	1	2	3	4	5
51.	Mencadangkan beberapa strategi pengajaran untuk digunakan sebagai alternatif mengikut kesesuaian objektif pengajaran.	1	2	3	4	5
52.	Memberi pujian dan galakan atas usaha yang telah ditunjukkan oleh guru.	1	2	3	4	5
53.	Mengambil perhatian masalah pengajaran guru selepas penyeliaan pengajaran.	1	2	3	4	5
54.	Membincangkan kekuatan yang ada pada guru untuk membantunya meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.	1	2	3	4	5
55.	Mengadakan perbincangan dengan kumpulan guru yang telah diselia untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.	1	2	3	4	5
56.	Menggalakkan guru membuat refleksi terhadap pengajaran dan pembelajaran.	1	2	3	4	5
57.	Mendapatkan persetujuan bersama dengan guru yang diselia untuk membuat penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran guru berkenaan.	1	2	3	4	5

V. Analisis Selepas Konferensi

Bil.	Kenyataan	TP	KK	AK	K	SK
58.	Mencadangkan teknik-teknik pengajaran kepada guru-guru yang telah diselia sebagai alternatif untuk diguna dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan maklumat pemerhatian penyeliaan.	1	2	3	4	5
59.	Mencadangkan latihan dalam perkhidmatan mengenai pengajaran dan pembelajaran kepada guru yang telah dikenal pasti selepas penyelia pengajaran.	1	2	3	4	5
60.	Mencadangkan latihan dalam perkhidmatan mengenai penyeliaan pengajaran untuk penyelia berdasarkan maklum balas penyeliaan	1	2	3	4	5
61.	Mencadangkan bahan bacaan ilmiah seperti buku, artikel, jurnal dan majalah untuk dibaca oleh semua guru.	1	2	3	4	5

**TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA YANG
TUAN PUAN BERIKAN**